Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2005

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan suku pertama seperti jangkaan...

Ekonomi Malaysia kekal mantap walaupun aktiviti ekonomi global menjadi sederhana dalam suasana harga minyak yang tinggi dan kitaran yang menurun bagi industri separa konduktor global. Pertumbuhan KDNK benar ekonomi Malaysia kekal menggalakkan dan seperti jangkaan dengan pengembangan sebanyak 5.7% pada suku pertama tahun 2005. Pada suku tersebut, Malaysia terus menjadi salah satu negara yang mencatat pertumbuhan ekonomi yang kukuh di rantau ini.

Pertumbuhan S1 2005 seperti jangkaan...



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan ekonomi pada suku pertama adalah menyeluruh, dengan semua sektor ekonomi utama kecuali pembinaan, mencatat pertumbuhan yang positif. Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan, diikuti oleh sektor perkilangan dan sektor komoditi utama. Sektor perkhidmatan secara keseluruhan meningkat 6%, disokong oleh pengembangan dalam kedua-dua kumpulan perkhidmatan akhir dan perkhidmatan pengantara. Subsektor perkhidmatan akhir disokong oleh perbelanjaan pengguna yang mantap serta jumlah ketibaan pelancong dan penggunaan utiliti yang tinggi dalam persekitaran perniagaan yang menggalakkan. Sementara itu, kumpulan perkhidmatan pengantara disokong oleh peningkatan aktiviti perbankan, insurans dan perdagangan serta pertumbuhan yang mantap dalam sektor telekomunikasi berikutan penggunaan perkhidmatan suara dan data yang lebih tinggi.

Nilai ditambah sektor perkilangan berkembang sebanyak 5.6% Walaupun terdapat kelembapan dalam industri elektronik, industri berorientasikan eksport kekal mantap disebabkan oleh keluaran yang lebih tinggi daripada industri berasaskan sumber seperti barangan kimia, getah dan pemprosesan luar estet. Pertumbuhan industri berorientasikan pasaran dalam negeri kekal tinggi dengan hampir kesemua subsektor mencatat pengembangan keluaran yang lebih tinggi. Sektor pertanian pula meningkat sebanyak 6% pada suku tersebut, disokong oleh prestasi

sektor minyak sawit yang kukuh berikutan peningkatan produktiviti yang ketara dan pertambahan dalam keluasan kawasan kelapa sawit yang matang di Malaysia Timur. Dalam sektor perlombongan pula, walaupun pengeluaran gas asli meningkat dengan ketara, nilai ditambah sektor tersebut menjadi sederhana kepada 3.3% disebabkan terutamanya oleh kemerosotan keluaran minyak mentah (termasuk kondensat). Sektor pembinaan kekal lembap pada suku pertama (-2.4%), disebabkan oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah. Sektor ini juga terjejas akibat kelewatan penyempurnaan beberapa projek disebabkan ketibaan semula pekerja asing sah yang perlahan berikutan program Pengampunan.

Permintaan dalam negeri kekal kukuh, dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.9% pada suku yang berkenaan. Sektor swasta masih menjadi pendorong utama pertumbuhan ekonomi pada suku pertama, disokong oleh aktiviti perbelanjaan pengguna yang mantap (10.1%), hasil daripada kesan kumulatif peningkatan dalam pendapatan bolehguna, perolehan eksport yang tinggi, harga komoditi yang menggalakkan serta pasaran pekerjaan yang stabil. Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 2%, disokong terutamanya oleh aktiviti pelaburan swasta yang didorong oleh keyakinan perniagaan yang bertambah baik dan keadaan pembiayaaian yang menggalakkan. Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan menurun, pelaburan awam untuk projek penting seperti peruntukan untuk pendidikan, pembangunan luar bandar, program perumahan dan perkhidmatan kesihatan, masih diteruskan pada suku tersebut. Kedudukan fiskal pada suku pertama tahun 2005 menampakkan suatu peningkatan dengan mencatat lebihan sebanyak 2.3% daripada KDNK, yang disebabkan oleh kutipan hasil yang tinggi dan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah.

Inflasi meningkat dengan sederhana kepada 2.4% pada suku pertama. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan pengangkutan yang tinggi. Kenaikan harga makanan disebabkan oleh permintaan terhadap makanan yang lebih tinggi berikutan musim perayaan pada suku tersebut di samping bekalan yang terhad dalam keadaan cuaca yang buruk. Peningkatan harga pengangkutan disebabkan terutamanya oleh kenaikan kadar tol sebanyak 10% pada bulan Januari. Sementara itu, keadaan pasaran pekerja nyata bertambah baik disokong oleh pertumbuhan produktiviti yang kukuh.

Dari segi sektor luaran, lebihan perdagangan meningkat kepada RM25.2 bilion pada suku pertama (S4 2004: RM20.6 bilion) disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang secara relatif lebih tinggi berbanding dengan pertumbuhan import. Eksport kasar meningkat sebanyak 13.5%, disokong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam eksport mineral berikutan harga minyak mentah yang tinggi. Eksport barangan perkilangan masih mencatat kadar pertumbuhan dua angka, didorong oleh pertumbuhan eksport yang kukuh bagi elektronik dan barangan elektrik (E&E), barangan kimia dan keluaran petroleum. Import meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 9.8%. Pertumbuhan import mencerminkan pengembangan dalam

pengeluaran dan eksport barangan perkilangan serta penggunaan dalam negeri dan aktiviti pelaburan swasta. Import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy*, kekal kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 10.1%, mencerminkan pelaburan untuk pengembangan kapasiti dan peningkatan tahap teknologi. Berikutan kekukuhan penggunaan swasta, import barangan penggunaan meningkat 10.4%. Import barangan pengantara pula terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka seiring dengan eksport barangan perkilangan yang kukuh. Bahagian pasaran eksport ke rantau Asia (kecuali Jepun) meningkat lagi kepada 45.8%, disokong oleh peningkatan aktiviti penggunaan perkhidmatan pihak ketiga atau *outsourcing,* serta rangkaian pengeluaran dan perhubungan yang meluas di rantau ini berikutan perpindahan syarikat-syarikat ke Republik Rakyat China (RR China) dan negara-negara ASEAN. Bahagian pasaran eksport ke India meningkat kepada 3% manakala bahagian pasaran eksport ke Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU) masing-masing kekal tinggi pada 17.6% dan 11.9%.

Dalam akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) (tidak termasuk perolehan tertahan) kekal tinggi pada RM4.4 bilion dan disalurkan terutamanya pada sektor perkhidmatan, perkilangan serta minyak dan gas. Pelaburan syarikat Malaysia di luar negeri meningkat lagi sementara pelaburan portfolio menjadi sederhana sejajar dengan penyusunan semula portfolio ekuiti pengurus dana di rantau Asia. Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM275.2 bilion atau USD72.4 bilion pada akhir bulan Mac 2005, disokong oleh penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan serta aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio. Rizab antarabangsa mengukuh lagi kepada RM284.4 bilion atau USD74.8 bilion pada 14 May 2005, memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh dan merupakan 7.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan

Pada suku pertama, dasar monetari terus menyokong pengembangan dalam pelaburan dan penggunaan swasta, dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada 2.70%. Kadar faedah yang rendah dan keadaan mudah tunai yang berlebihan dalam sistem perbankan terus menyokong pembiayaan aktiviti ekonomi.

Pada suku tersebut, pembiayaan sektor swasta kasar dan bersih melalui sistem perbankan dan pasaran modal masing-masing meningkat pada kadar tahunan 12.3% dan 9.6%. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sektor perbankan meningkat pada kadar yang lebih pantas, iaitu 10.2% pada suku pertama berbanding dengan 8.3% pada suku sebelumnya. Jumlah pinjaman terkumpul juga mencatat peningkatan tahunan yang lebih tinggi, iaitu 9.1% pada akhir bulan Mac 2005 (akhir tahun 2004: 8.5%). Apa yang nyata ialah peningkatan dalam permintaan terhadap pinjaman perniagaan sejak akhir tahun 2004 berterusan pada suku pertama tahun 2005. Jumlah pinjaman terkumpul sektor perniagaan meningkat pada kadar positif untuk dua suku berturut-turut dengan mencatat pertumbuhan

tahunan sebanyak 2.8% pada akhir bulan Mac 2005. Pemberian pinjaman oleh sistem perbankan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat lagi, dengan jumlah pinjaman terkumpul PKS meningkat sebanyak 10.5%. Sementara itu, pembiayaan sektor isi rumah kekal pada paras yang tinggi seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan tahunan dalam jumlah pinjaman terkumpul sektor isi rumah yang lebih tinggi, iaitu 15.2% pada akhir bulan Mac 2005.

Di samping pembiayaan sistem perbankan, pasaran modal terus menjadi sumber pembiayaan yang penting, khususnya untuk pembiayaan perniagaan jangka panjang. Pada suku pertama tahun 2005, dana bersih sebanyak RM10.5 bilion telah diperoleh daripada pasaran modal. Dana kasar yang diperoleh daripada pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) berjumlah RM5.5 bilion atau 1.8 kali jumlah yang diperoleh pada suku pertama tahun lalu. Dana yang diperoleh daripada pasaran PDS adalah terutamanya untuk tujuan penstrukturan semula dan pembiayaan semula, dan juga untuk aktiviti baru. Pada suku tersebut, dana sebanyak RM2 bilion telah diperoleh melalui pasaran ekuiti.

Sejajar dengan pengembangan aktiviti ekonomi dalam negeri, bekalan wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan 9.4% pada akhir bulan Mac 2005. Sementara itu, bekalan wang secara luas, M3, meningkat pada kadar tahunan 13.3%, didorong terutamanya oleh tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi berikutan peningkatan pemberian pinjaman oleh sistem perbankan serta aliran masuk dana luar yang berterusan.

Sistem perbankan kekal kukuh

Sektor perbankan kekal teguh dengan paras permodalan yang kukuh dan keuntungan yang bertambah baik pada suku pertama. Nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan kekal kukuh pada 13.7%, manakala keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat 12.2% kepada RM3 bilion disebabkan terutamanya oleh peruntukan hutang lapuk dan ragu dan perbelanjaan operasi yang lebih rendah pada suku tersebut. Kedudukan kewangan bank juga lebih baik berikutan penurunan pinjaman tidak berbayar (NPL). Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menunjukkan trend menurun dengan mencakupi 5.4% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir bulan Mac 2005. Penurunan NPL bersih sebanyak 4.7% disebabkan terutamanya oleh pengurangan jumlah pinjaman baru yang diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar serta penstrukturan dan penjadualan semula kemudahan kredit yang lebih tinggi pada suku tahun tersebut.

Prospek pertumbuhan mapan

Melangkah ke hadapan, prospek ekonomi Malaysia dalam jangka terdekat kekal memberangsangkan meskipun terdapat tanda-tanda bahawa pertumbuhan ekonomi global akan menjadi sederhana dan harga akan meningkat. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi global masih dijangka kekal kukuh, disokong oleh pertumbuhan dalam permintaan pengguna dan pelaburan. Di AS, sungguhpun pertumbuhan pada suku pertama adalah sederhana, pertumbuhan tersebut disokong oleh pengumpulan semula

inventori yang kukuh dan penggunaan yang mapan. Di samping itu, penunjuk semasa memperlihatkan pertumbuhan ekonomi di rantau Asia yang terus kukuh. Ekonomi RR China khususnya akan terus disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh, pelaburan serta aliran masuk FDI yang tinggi. Memandangkan integrasi perdagangan dan pengeluaran antara rantau ini dengan RR China telah meningkat, trend ini akan terus menggalakkan pertumbuhan yang saling memperkukuh di kalangan ekonomi serantau, termasuk Malaysia. Di samping itu, kitaran menurun dalam industri separa konduktor global diramal sederhana dan sementara berasaskan permintaan global yang berterusan, pelarasan inventori yang lebih pantas dan tahap inventori yang secara relatif rendah.

Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka mapan pada tahun 2005. Walaupun pengembangan ekonomi mungkin menjadi sederhana kerana persekitaran luaran yang lebih lembap, aktiviti ekonomi akan tetap mapan, didorong oleh sektor swasta seperti yang ditunjukkan oleh penunjuk pelopor masa depan. Indeks Pelopor yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan ekonomi akan terus berkembang pada suku kedua dan ketiga tahun 2005. Jangkaan yang optimis ini disokong pula oleh Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang meningkat lebih daripada 10 mata kepada 120.9 mata, mencerminkan keyakinan pengguna yang semakin meningkat. Memandangkan isi rumah tidak dibebankan dengan hutang yang berlebihan, perbelanjaan pengguna yang memberangsangkan akan dapat dikekalkan. Selain itu, Indeks Keadaan Perniagaan MIER melepasi paras ambang 100 mata kepada 104.1 mata, mencerminkan trend yang meningkat dalam aktiviti pelaburan swasta.

Pada masa terdekat ini, sedang wujud kebimbangan mengenai tekanan inflasi. Di Malaysia, tekanan harga telah dibendung sebahagiannya oleh peningkatan dalam produktiviti pekerja dan peningkatan kapasiti, manakala perolehan dalam perdagangan luar negeri membolehkan dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi. Selain itu, liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing baru-baru ini akan mengurangkan lagi kos menjalankan perniagaan dan menggalakkan aktiviti pengurusan risiko yang lebih baik di kalangan sektor swasta. Sistem perbankan juga telah pulih dengan lebih kukuh daripada krisis, dengan trend NPL yang menurun dan keuntungan yang meningkat. Kedudukan kewangan institusi perbankan yang teguh dalam keadaan sentimen isi rumah dan perniagaan yang menggalakkan akan terus menyokong ekonomi. Akhir sekali, struktur ekonomi yang begitu pelbagai akan dapat meningkatkan daya tahan untuk menghadapi perkembangan-perkembangan dalam persekitaran luaran.

PERKEMBANGAN EKONOMI SUKU PERTAMA 2005

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana

Ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada suku pertama dalam suasana harga minyak yang tinggi. Pertumbuhan terus diterajui oleh Amerika Syarikat (AS) dan Republik Rakyat China (RR China) sementara ekonomi Jepun bertambah baik, dan zon euro kekal perlahan.

Pertumbuhan ekonomi **AS** menjadi sederhana kepada 3.1% pada suku pertama, disebabkan terutamanya oleh penurunan yang ketara dalam perbelanjaan perniagaan (4.7%, S4 2004: 14.5%) dan defisit perdagangan yang lebih besar. Sektor isi rumah terus memberangsangkan seperti yang dicerminkan oleh penunjuk ekonomi yang positif seperti jualan rumah baru, jualan runcit dan kadar pengangguran. Defisit perdagangan mencecah rekod baru disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang tinggi. Dalam keadaan pasaran buruh yang bertambah baik dan tekanan inflasi yang meningkat secara beransur-ansur, *Federal Reserve Board* (Fed) telah meningkatkan lagi kadar *Federal funds* sebanyak 25 mata asas setiap kali pada 2 Februari dan 22 Mac kepada 2.75% menjelang penghujung suku pertama. Sementara itu, pertumbuhan kekal lembap di **kawasan euro** seperti yang dicerminkan oleh penunjuk yang lemah, terutamanya indeks keadaan perniagaan IFO Jerman yang merosot pada bulan April, iaitu bulan ketiga berturut-turut. Pertumbuhan ekonomi **United Kingdom** telah dikekalkan tetapi menunjukkan tanda-tanda penyederhanaan berikutan pengeluaran industri yang menguncup bagi suku ketiga berturut-turut. Di **Jepun**, walaupun terdapat tekanan deflasi, pemulihan berterusan pada suku pertama disokong oleh penggunaan isi rumah dalam suasana pasaran buruh yang semakin baik.

Harga hadapan minyak mentah global mencecah USD57.76 pada 17 Mac, didorong oleh permintaan yang kukuh dan

Negara-negara maju: Pertumbuhan KDNK benar

	2004			2005	Faktor Penyumbang Utama Kepada Pertumbuhan pada S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	4.0	3.8	4.4	3.1[a]	Pertumbuhan disokong terutamanya oleh penambahan inventori yang kukuh dan penggunaan yang mantap. Penyederhanaan dalam pelaburan disebabkan terutamanya oleh pemerlahanan pertumbuhan perbelanjaan dalam peralatan dan perisian. Eksport bersih menyebabkan pertumbuhan yang lebih perlahan.
UK	3.0	2.9	3.1	2.8	Pertumbuhan kekal mapan, didorong oleh sektor perkhidmatan sementara keluaran perkilangan menurun bagi tiga suku yang berturut-turut.
Zon euro	1.6	1.6	2.0	1.4[p]	Peningkatan dalam eksport bersih membawa kepada pertumbuhan sebanyak 1.1% dalam KDNK di Jerman. Jerman merangkumi satu pertiga daripada keseluruhan KDNK di zon euro. Walau bagaimanapun, Itali dan Belanda mencatatkan pertumbuhan negatif.
Jepun[1]	6.0	0.1[r]	2.6	5.3[p]	Pertumbuhan yang lebih baik daripada anggaran disokong oleh pertukaran arah dalam penggunaan dan perbelanjaan modal yang lebih kukuh.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[r] Semak semula
[a] Anggaran awal
[p] Awalan
Sumber: Pihak berkuasa negara

kapasiti penapisan yang tidak mencukupi. Walaupun paras harga tertinggi yang baru dicapai pada 4 April (USD58.28), harga kemudiannya telah menurun berikutan pertumbuhan ekonomi AS yang semakin perlahan, bekalan minyak mentah AS yang semakin meningkat dan pengeluaran OPEC yang tinggi.

Di rantau **Asia**, pertumbuhan kekal kukuh dengan pengembangan menyeluruh yang diterajui oleh RR China. Eksport dan pengeluaran perindustrian kekal memberangsangkan dengan beberapa negara mengekalkan pertumbuhan yang kukuh walaupun kitaran elektronik mengalami kemerosotan.

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2004			2005	Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan pada S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	9.8	9.5	9.5	9.5	Disokong oleh perbelanjaan pengguna dan eksport.
Indonesia	5.0	6.7	5.1	6.4	Disokong oleh pelaburan.
Korea	5.3	3.3	4.6	2.7	Penyederhanaan dalam eksport dan penurunan dalam pelaburan pembinaan.
Singapura	7.9	6.5	8.4	2.5	Pengembangan yang lebih perlahan dalam sektor perkilangan terutamanya kumpulan bioperubatan.
China Taipei	6.7	3.3	5.7	2.5	Pengembangan yang lebih perlahan disebabkan oleh eksport yang lembap dan harga minyak yang tinggi.

Sumber: Pihak berkuasa negara

Di kebanyakan negara serantau, inflasi mula meningkat disebabkan oleh peningkatan harga minyak ke paras tertinggi, kenaikan harga makanan akibat kemarau dan penghapusan separa terhadap subsidi minyak oleh beberapa negara serantau. Di Indonesia, inflasi mencecah tahap paling tinggi dalam jangka masa 27 bulan, iaitu sebanyak 8.8% pada bulan Mac berikutan kenaikan harga bahan api dalam negeri.

Di rantau ini, Thailand, China Taipei, Indonesia, Filipina dan India menaikkan kadar faedah pada suku pertama bagi membendung tekanan inflasi terutamanya berikutan harga minyak yang lebih tinggi. Sementara itu, di Singapura, pihak berkuasa telah mengekalkan dasar menaikkan nilai dolar Singapura secara sederhana dan beransur-ansur berikutan kebimbangan terhadap tekanan inflasi dalam jangka masa sederhana.

Dalam **pasaran mata wang asing**, trend kemerosotan dolar AS menjadi stabil pada suku pertama disebabkan jangkaan bahawa kadar pengetatan monetari di AS akan menjadi lebih pesat di samping prestasi ekonomi yang lebih kukuh di AS berbanding dengan negara-negara perindustrian yang lain. Sementara itu, kebanyakan mata wang serantau meningkat nilai sebelum menurun disebabkan oleh kebimbangan terhadap kenaikan kadar faedah selanjutnya di AS.

Melangkah ke hadapan, kadar pengembangan dalam ekonomi global dijangka dikekang oleh harga minyak yang tinggi, tekanan inflasi yang lebih tinggi dan pengurangan dalam akomodasi monetari. Di AS, Fed telah menaikkan kadar faedah bagi kali kelapan berturut-turut sebanyak 25 mata asas kepada 3% pada 3 Mei. Walau bagaimanapun, dasar monetari dijangka kekal akomodatif dengan kenaikan kadar faedah secara beransur-ansur, terutamanya bagi membendung jangkaan inflasi. Prospek pertumbuhan bagi rantau Asia kekal memberangsangkan disokong oleh kadar pertumbuhan yang kukuh di RR China dan permintaan dalam negeri yang kekal mapan. Walaupun industri global elektronik mengalami

konsolidasi setelah mencapai kemuncak pada pertengahan tahun 2004, kitaran menurun kali ini diramal sederhana memandangkan permintaan global yang berterusan, pelarasan inventori yang lebih cepat dan paras inventori yang secara relatif lebih rendah.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan didorong oleh sektor-sektor ekonomi utama

Ekonomi Malaysia kekal mantap pada suku pertama tahun 2005, berkembang sebanyak 5.7%. Pertumbuhan didorong oleh sektor-sektor ekonomi utama, iaitu sektor perkhidmatan, perkilangan dan komoditi utama. Pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal kukuh disokong oleh penggunaan, pelancongan dan aktiviti telekomunikasi, sementara sektor komoditi utama terus meningkat disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Walaupun sektor perkilangan terjejas akibat kitaran menurun separa konduktor global, struktur industri yang pelbagai telah dapat mengurangkan kesannya. Terutamanya, industri berasaskan sumber terus mencatat prestasi yang kukuh. Sementara itu, sektor pembinaan kekal lemah disebabkan terutamanya oleh aktiviti segmen kejuruteraan awam yang lembap.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	3.8	7.3	5.0	6.0
Perlombongan	5.9	4.4	3.9	3.3
Perkilangan	12.5	5.5	9.8	5.6
Pembinaan	0.9	-2.6	-1.5	-2.4
Perkhidmatan	6.4	6.5	6.8	6.0
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**7.8**	**5.8**	**7.1**	**5.7**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**-3.2**	**1.9**	**7.1**	**-3.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan berterusan dalam sektor perkilangan

Nilai ditambah **sektor perkilangan** berkembang 5.6% pada suku pertama tahun 2005 (S4 2004: 5.5%). Dalam **industri berorientasikan eksport**, pertumbuhan keluaran menjadi sederhana sedikit kepada 5.3% pada suku pertama (S4 2004: 7.8%) dengan penyederhanaan dalam keluaran elektronik diimbangi oleh keluaran industri berasaskan sumber yang lebih tinggi. Pengilang tempatan dalam segmen elektronik dan keluaran elektrik (E&E) meneruskan usaha melaraskan inventori dan merasionalisasikan pengeluaran mereka pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, industri berasaskan sumber seperti industri barangan kimia, barangan getah dan pemprosesan luar estet yang merangkumi satu perempat daripada indeks pengeluaran perkilangan berkembang dengan pesat pada suku tersebut. Keluaran barangan kimia meningkat 15.6% (S4 2004: 13.3%), didorong oleh pengembangan yang pesat dalam pengeluaran barangan plastik dan gas perindustrian. Pertumbuhan yang kukuh dalam sektor komoditi turut menyumbang kepada aktiviti yang lebih pesat dalam industri hiliran yang berkaitan. Peningkatan dalam keluaran gas perindustrian dan pemprosesan luar estet (24.6%; S4 2004: 17.9%) mencerminkan pengeluaran gas

asli dan minyak sawit mentah yang kukuh pada suku tersebut. Proses konsolidasi yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat sarung tangan getah telah mempertingkatkan daya saing mereka dalam pasaran antarabangsa dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan keluaran industri barangan getah yang lebih tinggi (11.4%; S4 2004: 9.1%).

Keluaran **industri berorientasikan pasaran dalam negeri** berkembang sebanyak 5.7% (S4 2004: 6.3%) pada suku tersebut. Pertumbuhan dalam keluaran dicatat dalam hampir kesemua subsektor, terutamanya dalam industri keluaran kelengkapan pengangkutan, logam yang direka, kertas dan keluaran petroleum, yang lebih daripada mengimbangi penguncupan dalam industri barangan berkaitan pembinaan. Penguncupan tersebut disebabkan oleh prestasi industri pembinaan yang lemah. Sementara itu, keluaran industri kelengkapan pengangkutan terus berkembang pada tahap yang memberangsangkan sebanyak 13.1% (S4 2004: 17.8%), seperti yang ditunjukkan oleh jualan kereta penumpang yang lebih tinggi pada suku tersebut. Permintaan yang kukuh terhadap kereta penumpang disokong oleh kedudukan kewangan isi rumah yang menggalakkan dan pakej pembiayaan yang menarik serta jangkaan terhadap kenaikan harga kereta apabila struktur tarif baru dilaksanakan pada bulan Julai 2005. Begitu juga, pengeluaran barangan kertas berkembang pada kadar pertumbuhan dua-angka sebanyak 15.7% (S4 2004: 3.8%) berikutan peningkatan permintaan terhadap aktiviti pembungkusan.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (harga malar)	**12.5**	**5.5**	**9.8**	**5.6**
Pengeluaran Keseluruhan	**16.5**	**7.5**	**12.7**	**5.4**
Industri berorientasikan eksport	**19.3**	**7.8**	**14.2**	**5.3**
Antaranya :				
Elektronik	34.1	9.6	25.0	-0.1
Barangan Elektrik	-6.9	-13.8	-9.4	-6.5
Tekstil & pakaian	-10.8	-14.5	-11.7	-4.1
Bahan kimia dan keluaran kimia	16.9	13.3	14.1	15.6
Pemprosesan luar estet	3.3	17.9	4.0	24.6
Keluaran getah	24.1	9.1	14.8	11.4
Kayu dan keluaran kayu[1]	13.9	5.1	12.7	-3.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**7.6**	**6.3**	**7.1**	**5.7**
Antaranya :				
Kelengkapan pengangkutan	0.8	17.8	8.6	13.1
Keluaran logam yang direka	35.4	21.4	29.2	16.1
Besi & keluli dan logam bukan ferum	6.2	4.7	4.4	-4.5
Keluaran galian bukan logam	-1.2	-4.8	-4.9	-3.7
Keluaran petroleum	-1.9	5.4	1.3	10.4
Makanan	7.3	-0.5	3.0	-0.8
Jumlah Eksport Perkilangan	**17.4**	**13.5**	**19.7**	**11.8**
Antaranya :				
Keluaran elektrik dan elektronik	15.1	7.5	15.3	9.7
Keluaran kayu	28.3	12.4	29.5	16.8
Barangan perabot	15.1	16.2	17.8	10.3
Tekstil, pakaian & kasut	16.8	14.0	17.9	4.0
Keluaran getah	19.9	14.5	19.3	12.3
Peralatan optikal dan saintifik	11.1	19.6	26.3	22.9
Bahan kimia dan keluaran kimia	26.0	26.9	31.0	20.2
Keluaran petroleum	20.0	57.1	42.2	18.0
Kelengkapan pengangkutan	47.0	108.7	65.0	51.0

[1] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Kadar penggunaan kapasiti bagi sektor perkilangan pada keseluruhannya kekal mapan (75%; S4 2004: 76%) pada suku pertama tahun 2005, dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada tahap 75% dan 74% (S4 2004: 78% dan 73%).

Pengembangan dalam sektor perkhidmatan kekal mapan

Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** kekal mapan pada 6% (S4 2004: 6.5%) dengan kesemua subsektor terus berkembang sejajar dengan aktiviti penggunaan, pelancongan dan telekomunikasi yang lebih tinggi. Pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran bertambah kukuh kepada 7.7% (S4 2004: 6.9%) didorong oleh pertumbuhan kukuh penggunaan dalam negeri, seperti yang dicerminkan oleh peningkatan pertumbuhan jualan kenderaan bermotor dan perbelanjaan kad kredit. Perbelanjaan runcit yang lebih tinggi oleh pengguna untuk membantu mangsa Tsunami turut menyumbang kepada pertumbuhan ini. Subsektor ini juga disokong oleh aktiviti pelancongan dan perjalanan yang lebih tinggi pada suku tersebut, dengan ketibaan pelancong melebihi 4.1 juta.

Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi mencatatkan pertumbuhan dua-angka, dipacu terutamanya oleh aktiviti pesat industri perkhidmatan telekomunikasi. Ini terbukti daripada penggunaan perkhidmatan suara dan data yang tinggi dalam segmen telefon selular. Sementara itu, segmen pengangkutan disokong oleh pergembangan berterusan dalam aktiviti pelabuhan, perkapalan dan kargo udara. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang sebanyak 4.4% (S4 2004: 5.6%) disokong oleh peningkatan aktiviti perbankan, termasuk aktiviti kredit dan perkhidmatan berasaskan fi serta aktiviti insurans yang lebih

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**7.4**	**6.9**	**7.1**	**6.6**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	7.9	9.3	8.5	10.4
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	7.1	5.6	6.3	4.4
Perkhidmatan Akhir	**5.7**	**6.3**	**6.6**	**5.6**
Elektrik, gas & air	8.7	7.3	8.2	5.7
Perdagangan borong & runcit, hotel dan restoran	5.3	6.9	7.1	7.7
Perkhidmatan Kerajaan	5.9	7.2	6.5	3.2
Perkhidmatan lain	4.9	3.7	4.9	4.1
Jumlah Perkhidmatan	**6.4**	**6.5**	**6.8**	**6.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Penunjuk berkaitan pelancongan				
Kadar penginapan hotel (%)	56.4	62.7	60.8	60.7
Ketibaan pelancong	38.4	15.4	48.5	4.6
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang di Malaysia	10.8	11.2	18.9	6.6
Penunjuk berkaitan penggunaan				
Jumlah kredit penggunaan	11.4	16.4	16.4	17.4
Import barangan pengguna	14.8	16.4	24.1	10.4
Jumlah jualan kenderaan penumpang	-0.2	27.3	17.0	13.7
Kadar penembusan telefon bimbit (%)	46.2	55.9	55.9	60.9
Penunjuk berkaitan perdagangan				
Kargo yang dikendali (Kesemua lapangan terbang)	6.6	10.2	10.5	5.3
Kargo kontena yang dikendali (Port Klang dan PTP)	15.8	3.6	11.2	4.7
Hasil kargo (Kereta api)	-1.2	12.2	7.6	7.7

Sumber: Pelbagai sumber

tinggi. Subsektor utiliti berkembang sebanyak 5.7% (S4 2004: 7.3%) disebabkan terutamanya oleh permintaan terhadap bekalan elektrik yang mapan daripada sektor perindustrian dan komersial.

Prestasi sektor komoditi utama yang menggalakkan

Sektor komoditi utama terus meningkat pada suku pertama, dengan sektor pertanian dan perlombongan mengembang masing-masing sebanyak 6% dan 3.3% (S4 2004: masing-masing sebanyak 7.3% dan 4.4%). Pertumbuhan dalam sektor pertanian telah disokong oleh prestasi yang sangat memberangsangkan bagi sektor minyak sawit bagi suku kedua berturut-turut, sementara pengembangan dalam sektor perlombongan pula didorong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran minyak sawit mentah meningkat dengan nyata sebanyak 27.5% (S4 2004: 16.5%) dengan catatan paras pengeluaran tertinggi sebanyak 3.4 juta tan pada suku pertama, yang lazimnya merupakan tempoh pengeluaran yang rendah. Pengeluaran bulanan pada suku tersebut telah secara berterusan melebihi paras 1 juta tan, yang merupakan pencapaian bersejarah dalam industri minyak sawit Malaysia. Prestasi yang kukuh ini didorong oleh peningkatan yang nyata dalam produktiviti, di samping pertambahan selanjutnya dalam keluasan kawasan kelapa sawit yang matang di Sabah dan Sarawak. Perkembangan positif dalam industri minyak sawit juga mendorong aktiviti penanaman semula di Semenanjung Malaysia bagi menggantikan pokok kelapa sawit yang sudah tua dan kurang mengeluarkan hasil. Hasil pengeluaran, yang diukur dari segi tandan buah segar (FFB) dan kadar perahan minyak (OER), mencatat peningkatan yang nyata lebih tinggi pada suku pertama, masing-masing sebanyak 4.35 tan sehektar dan 20.19% berbanding dengan suku yang sama pada tahun 2004 (masing-masing sebanyak 3.69 tan sehektar dan 19.86%). Sementara itu, pengeluaran

Prestasi Sektor Pertanian

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**3.8**	**7.3**	**5.0**	**6.0**
Pengeluaran[1]				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	2.5	16.5	4.7	27.5
Minyak isirong sawit mentah	3.8	11.8	-0.1	27.2
Getah	19.3	7.2	19.7	-9.4
Kayu balak	-15.2	3.8	0.2	-1.7
Biji koko	-33.5	17.9	-7.8	-5.2
Eksport (RM juta)	**13.8**	**1.2**	**7.4**	**5.7**
Antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan)	5.1	2.3	-5.6	14.3
(RM/tan)	6.5	-6.1	5.5	-15.6
(RM juta)	11.9	-3.9	-0.4	-3.6
Minyak isirong sawit				
('000 tan)	35.4	-24.7	-8.3	26.0
(RM/tan)	27.8	38.9	46.9	10.9
(RM juta)	73.1	4.5	34.7	39.8
Getah				
('000 tan)	23.3	16.6	16.7	-0.9
(sen/kilogram)	36.6	2.6	24.3	-2.0
(RM juta)	68.4	19.6	45.1	-2.9
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	5.9	16.3	13.5	16.4
(RM/meter padu)	-12.2	-10.2	-10.4	6.0
(RM juta)	-7.1	4.4	1.7	23.4
Kayu balak				
('000 meter padu)	-13.5	-17.9	-5.9	42.2
(RM/meter padu)	1.0	6.2	8.9	4.4
(RM juta)	-12.6	-12.8	2.5	48.4
Biji koko				
('000 tan)	-76.0	-15.6	-27.7	183.4
(RM/tan)	-20.3	-5.9	-12.6	0.7
(RM juta)	-80.9	-20.6	-36.8	185.3

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia

getah merosot sebanyak 9.4% disebabkan oleh musim luruh yang mengakibatkan pengeluaran susu getah merosot. Pertumbuhan dalam aktiviti pertanian yang lain juga tidak memberangsangkan pada suku tersebut. Khususnya, pengeluaran aktiviti perikanan merosot sebanyak 16.5%.

Dalam **sektor perlombongan**, pengeluaran gas asli meningkat dengan ketara sebanyak 19.8% untuk mencatat paras pengeluaran tertinggi, iaitu sebanyak 6,352 juta kaki padu standard sehari. Pengeluaran yang kukuh ini didorong terutamanya oleh peningkatan penggunaan kapasiti loji Gas Asli Cecair Malaysia (MLNG) di Sarawak dan Loji Pemprosesan Gas (GPP) di Semenanjung Malaysia. Peningkatan ini didorong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap gas asli oleh pengguna domestik (terutamanya syarikat penjana kuasa elektrik dan pengguna industri) dan luar negeri.

Walaupun pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) merosot sebanyak 5.2% pada suku pertama (S1 2004: +8%), pengeluaran suku tahunan kekal pada paras yang tinggi, iaitu sebanyak 740,383 tong sehari. Harga minyak mentah pula mencatat paras tertinggi pada suku pertama, disokong terutamanya oleh faktor-faktor asas. Permintaan global yang kukuh, terutamanya dari AS dan RR China, dan pertumbuhan penawaran yang kecil dalam suasana pengeluaran negara pengeluar minyak utama yang hampir mencapai kapasiti penuh telah menyebabkan kenaikan harga yang ketara. Sejajar dengan perkembangan dalam pasaran minyak global, harga minyak mentah Malaysia iaitu *Tapis Blend*, mencecah paras USD50 pada penghujung bulan Februari dan seterusnya mengekalkan kenaikan tersebut untuk mencapai paras tertinggi USD59.50 setong pada 17 Mac. Paras harga yang lebih tinggi ini berbanding dengan gred minyak tanda aras seperti *West Texas Intermediate*, mencerminkan status *Tapis Blend* sebagai gred minyak premium di pasaran antarabangsa. Pada akhir suku pertama ini, *Tapis Blend* berada pada paras harga USD55.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**5.9**	**4.4**	**3.9**	**3.3**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	8.0	1.4	3.6	-5.2
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	2.3	10.3	4.0	19.8
Eksport (RM juta)	**15.5**	**44.7**	**38.2**	**36.3**
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat				
('000 tan)	4.1	-11.0	1.0	0.5
(USD/tong)	4.4	53.3	34.8	36.3
(RM juta)	8.6	36.4	36.1	37.0
Gas asli cecair				
('000 tan)	18.3	19.4	19.7	17.6
(RM/tan)	-2.3	15.9	6.8	12.8
(RM juta)	15.6	38.5	27.9	32.7

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti pembinaan lembap

Sektor pembinaan menguncup sebanyak 2.4% (S4 2004: -2.6%) disebabkan terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah akibat projek sektor awam yang berkurang. Walau bagaimanapun,

segmen kediaman dan bukan kediaman terus disokong oleh permintaan terhadap rumah kediaman serta ruang pejabat dan perniagaan. Pada keseluruhannya, prestasi sektor pembinaan yang lebih lemah pada suku pertama disebabkan sebahagiannya oleh ketibaan semula pekerja asing yang perlahan selepas program Pengampunan, yang telah menyebabkan kelewatan penyempurnaan beberapa buah projek. Namun, melangkah ke hadapan, industri pembinaan dijangka mendapat manfaat daripada projek Kerajaan bernilai RM2.4 bilion yang dibawa ke hadapan untuk pelaksanaan serta-merta daripada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Penunjuk Pembinaan

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permit jualan dan iklan baru	44.0	-19.4	-5.9	2.3
Kelulusan perumahan	48.9	-34.9	-14.1	11.2
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	2.2	-0.4	-0.6	-4.1
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-36.8	-14.8	2.3	47.6
Import bahan pembinaan dan bahan mineral	19.0	15.8	42.1	15.5*

* Jan.-Feb.'05

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan dalam negeri yang kukuh

Perbelanjaan dalam negeri kekal kukuh pada suku pertama tahun 2005. Sektor swasta terus menjadi perangsang utama kepada pertumbuhan, sementara Kerajaan kekal dengan program konsolidasi fiskalnya. Peningkatan perbelanjaan sektor swasta telah disokong terutamanya oleh aktiviti perbelanjaan pengguna yang sangat memberangsangkan.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	7.6	6.7	7.5	5.9
Penggunaan	9.5	8.6	9.5	7.6
Sektor swasta	*8.9*	*10.2*	*10.5*	*10.1*
Sektor awam	*11.8*	*4.2*	*6.0*	*-2.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.5	2.2	3.1	2.0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	16.4	10.2	16.3	9.5
Import Barangan dan Perkhidmatan	21.0	12.9	20.7	7.6
KDNK	**7.8**	**5.8**	**7.1**	**5.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta kekal kukuh pada suku pertama dan meningkat sebanyak 10.1% (S4 2004: 10.2%). Kesanggupan pengguna untuk berbelanja telah dirangsang oleh pendapatan boleh guna yang meningkat dan pasaran pekerjaan yang stabil. Pendapatan eksport yang kekal pada paras yang tinggi dan harga komoditi yang baik memastikan pertumbuhan gaji kekal positif. Pada masa yang sama, prospek pekerjaan kekal stabil disebabkan oleh kekosongan pekerjaan yang bertambah secara nyata sementara pemberhentian kerja masih rendah. Promosi jualan yang menarik yang diadakan untuk musim perayaan dan cuti persekolahan pada suku pertama memberi dorongan tambahan terhadap penggunaan.

Keputusan kaji selidik sentimen pengguna oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menunjukkan bahawa pengguna masih optimistik terhadap prospek pekerjaan dan jangkaan pendapatan disebabkan oleh asas-asas ekonomi yang

kukuh. Hasilnya, Indeks Sentimen Pengguna MIER meningkat 11.6 mata kepada 120.9 mata (S4 2004: 109.3 mata). Penunjuk penggunaan utama yang lain seperti jualan kereta penumpang, import barangan penggunaan, transaksi kad kredit dan pengeluaran pinjaman untuk penggunaan kredit dan perniagaan berorientasikan pengguna, juga menyokong trend positif dalam penggunaan swasta.

Sementara itu, **penggunaan awam** menurun sebanyak 2.3% pada suku tersebut (S4 2004: +4.2%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang menurun dalam bekalan dan perkhidmatan dan pertahanan.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan lebih rendah



Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan sebanyak 2% pada suku pertama (S4 2004: 2.2%). Pelaburan dalam negeri disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta manakala perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan menurun. Keyakinan perniagaan bertambah baik seperti ditunjukkan oleh indeks Keadaan Perniagaan MIER yang melepasi paras ambang 100 mata kepada 104.1 mata (S4 2004: 97.3 mata). Ini menunjukkan bahawa pengilang kekal optimistik terhadap jangkaan jualan dan pengeluaran. Pertumbuhan dalam aktiviti pelaburan turut disokong oleh pertumbuhan aktiviti pembiayaan sistem perbankan yang mapan. Selain pelaburan dalam sektor perkilangan, aliran masuk pelaburan langsung asing ke sektor minyak dan gas serta peningkatan import peralatan perlombongan menunjukkan aktiviti pelaburan modal yang lebih tinggi dalam segmen huluan, terutamanya dalam aktiviti penerokaan dan pembangunan.

Keyakinan pengguna dan perniagaan bertambah baik



Kerajaan Persekutuan terus memastikan bahawa sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada projek penting seperti penyediaan dan pembaikan infrastruktur pengangkutan, pendidikan dan latihan perindustrian, pembangunan pertanian dan luar bandar, program perumahan dan perkhidmatan kesihatan.

Inflasi meningkat sederhana

Kadar tahunan inflasi seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna** (IHP), meningkat kepada 2.4% (S4 2004: 2.1%). Peningkatan tersebut didorong terutamanya oleh kenaikan harga makanan dan pengangkutan. Kenaikan harga makanan disebabkan oleh permintaan terhadap makanan yang lebih tinggi berikutan musim perayaan pada suku tersebut di samping bekalan yang terhad dalam keadaan cuaca yang buruk. Sementara itu, peningkatan harga pengangkutan disebabkan terutamanya oleh kenaikan kadar tol sebanyak 10% pada bulan Januari.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.1% (S4 2004: 7.7%) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan harga minyak sawit mentah dan kenaikan yang lebih perlahan harga minyak mentah. Walau bagaimanapun, tidak termasuk komoditi, IHPR meningkat dengan lebih tinggi sedikit, iaitu pada kadar 2.5% pada suku pertama (S4 2004: 2.2%).

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan pasaran pekerja nyata bertambah baik

Keadaan **pasaran pekerja** pada suku pertama nyata bertambah baik, disokong oleh pertumbuhan dalam produktiviti yang kukuh. Bilangan kekosongan jawatan yang dilaporkan kepada pihak berkuasa naik mendadak (15,369 jawatan; S1 2004: 7,850 jawatan) manakala pemberhentian pekerja kekal rendah (4,709 orang; S1 2004: 4,463 orang). Bilangan pencari kerja yang berdaftar juga berkurang (sebanyak 33,740 orang; S1 2004: 37,143 orang). Pada tempoh yang sama, pertumbuhan dalam produktiviti pekerja yang diukur oleh nilai jualan benar bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan, meningkat 14.7%, melebihi pertumbuhan dalam upah benar bagi seorang pekerja sebanyak 1.6%. Sentimen pekerjaan yang positif secara keseluruhan juga dicerminkan oleh Indeks Guna Tenaga MIER yang naik 15.7 mata berbanding dengan suku sebelumnya. Indeks tersebut mencapai 125 mata pada suku pertama tahun 2005 (S1 2004: 120.9 mata).

Keadaan Pasaran Buruh Nyata Bertambah Baik



Akaun perdagangan merekodkan lebihan yang lebih besar

Lebihan perdagangan adalah lebih besar sebanyak RM25.2 bilion pada suku pertama (S4 2004: RM20.6 bilion), iaitu lebihan suku tahunan yang terbesar dicatat. Eksport dan import kasar terus berkembang, masing-masing sebanyak 13.5% dan 9.8%, sejajar dengan pertumbuhan dalam pengeluaran dan pelaburan.

Imbangan perdagangan



Eksport kasar meningkat 13.5% pada suku pertama 2005 (S4 2004: 16.1%). Eksport **barangan perkilangan** terus meningkat pada kadar dua angka sebanyak 11.8% pada suku pertama 2005 (S4 2004: 13.5%). Meskipun keluaran E&E berkembang dengan lebih perlahan, pertumbuhan eksport bagi keluaran tersebut adalah lebih tinggi pada 9.7% (S4 2004: 7.5%). Ini mencerminkan kegiatan pelarasan inventori yang berterusan oleh pengilang-pengilang dalam industri tersebut. Pada suku pertama 2005, eksport barangan berasaskan sumber kekal memberangsangkan, diterajui terutamanya oleh eksport barangan kimia, petroleum, kayu dan getah. Eksport barangan kimia dan petroleum masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 20.2% dan 18% (S4 2004: masing-masing 26.9% dan 57.1%) disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga minyak pada suku tersebut. Sementara itu, eksport barangan kayu terus meningkat sebanyak 16.8% (S4 2004: 12.4%) disokong oleh permintaan yang kukuh dari rantau Asia Utara, khususnya Jepun, RR China dan Korea. Sejajar dengan permintaan global yang tinggi terhadap sarung tangan getah asli keselamatan dan yang berkualiti tinggi, peningkatan eksport barangan getah kekal mapan. Secara keseluruhan, peningkatan dalam eksport keluaran perkilangan pada suku tersebut disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah eksport (5.9%) dan harga (5.6%).

Eksport **pertanian** mencatat peningkatan yang sederhana sebanyak 5.7% pada suku pertama, disokong terutamanya oleh eksport komoditi pertanian yang kurang penting seperti kayu balak, kayu siap digergaji, minyak isirung sawit dan koko. Sementara itu, eksport tanaman utama, iaitu minyak sawit dan getah merosot. Walaupun terdapat pembelian yang lebih kukuh oleh Pakistan dan Kesatuan Eropah, eksport minyak sawit merosot sebanyak 3.6% pada suku tersebut. Penurunan ini disebabkan oleh harga yang lebih rendah (RM1,490 setan) berbanding dengan harga yang luar biasa tinggi pada tempoh yang sama pada tahun 2004 (RM1,766 setan). Perolehan eksport getah juga merosot sebanyak 2.9%

disebabkan oleh penurunan jumlah eksport (-0.9%) dan harga eksport (-2%).

Akaun Perdagangan

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport kasar	**17.5**	**16.1**	**20.8**	**13.5**
Perkilangan	*17.4*	*13.5*	*19.7*	*11.8*
Pertanian	*13.8*	*1.2*	*7.4*	*5.7*
Mineral	*15.5*	*44.7*	*38.2*	*36.3*
Import kasar	**23.7**	**19.1**	**26.4**	**9.8**
Barangan modal	*30.9*	*37.2*	*36.0*	*-0.3*
Barangan pengantara	*21.1*	*13.5*	*22.2*	*10.4*
Barangan penggunaan	*14.8*	*16.4*	*24.1*	*10.4*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**19.2**	**20.6**	**80.7**	**25.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport **mineral** terus berkembang dengan pesat sebanyak 36.3%, terutamanya hasil daripada harga minyak mentah semasa yang tinggi. Harga eksport minyak mentah Malaysia bertambah kukuh dengan ketara sebanyak 36.3% kepada harga purata USD46.42 setong, sejajar dengan perkembangan pasaran minyak antarabangsa pada suku tersebut. Pembeli utama, terutamanya Indonesia, India dan Thailand, meningkatkan pembelian mereka dengan ketara masing-masing sebanyak 92.8%, 48.9% dan 8.1%. Eksport gas asli cecair (LNG) juga meningkat dengan nyata sebanyak 32.7%, disokong oleh kenaikan harga eksport (12.8%) dan peningkatan jumlah eksport (17.6%). Kenaikan jumlah eksport disebabkan oleh permintaan gas asli yang lebih tinggi oleh pembeli LNG Malaysia yang terbesar, iaitu Jepun (27.8%) dan Korea (13%).

Pada suku pertama tahun 2005, perdagangan Malaysia dengan negara-negara serantau (tidak termasuk Jepun) terus meningkat dengan bahagian pasaran yang lebih tinggi sebanyak 47.1%. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam eksport ke ASEAN, RR China dan Hong Kong China, khususnya eksport barangan E&E dan barangan kimia. Pertumbuhan eksport disokong oleh rangkaian

Malaysia: Destinasi eksport

	2004			2005	2004			2005	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion				Bahagian daripada jumlah eksport (%)				Perubahan tahunan (%)			
Amerika Syarikat	**19.3**	**23.2**	**90.2**	**21.6**	**17.9**	**18.3**	**18.8**	**17.6**	**12.0**	**9.8**	**15.8**	**12.1**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**13.9**	**15.7**	**60.4**	**14.6**	**12.9**	**12.4**	**12.6**	**11.9**	**18.0**	**18.4**	**20.9**	**5.2**
Negara ASEAN terpilih[2]	**26.9**	**32.0**	**119.7**	**32.5**	**25.0**	**25.3**	**24.9**	**26.6**	**17.5**	**18.2**	**22.3**	**20.7**
Negara Timur Laut Asia	**21.9**	**24.3**	**93.4**	**23.5**	**20.3**	**19.2**	**19.4**	**19.2**	**23.4**	**11.5**	**20.7**	**7.2**
Republik Rakyat China	*7.2*	*8.3*	*32.1*	*8.0*	*6.7*	*6.6*	*6.7*	*6.5*	*36.2*	*8.9*	*24.6*	*10.7*
Hong Kong China	*6.4*	*7.3*	*28.7*	*7.1*	*6.0*	*5.8*	*6.0*	*5.8*	*8.6*	*6.4*	*11.5*	*9.7*
China Taipei	*3.6*	*4.1*	*15.8*	*3.1*	*3.3*	*3.2*	*3.3*	*2.5*	*6.5*	*7.4*	*10.0*	*-14.4*
Korea	*4.7*	*4.6*	*16.8*	*5.4*	*4.4*	*3.6*	*3.5*	*4.4*	*47.7*	*32.0*	*45.7*	*14.9*
India	**2.7**	**3.2**	**11.4**	**3.7**	**2.5**	**2.5**	**2.4**	**3.0**	**22.0**	**17.4**	**18.3**	**37.0**
Jumlah eksport	**107.8**	**126.7**	**480.7**	**122.4**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**17.5**	**16.1**	**20.8**	**13.5**

[1] Termasuk 10 negara anggota baru
[2] Termasuk negara-negara Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Viet Nam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dan rantaian pengeluaran yang meluas dalam negara serantau hasil daripada perpindahan syarikat-syarikat ke RR China dan negara-negara ASEAN serta peningkatan dalam aktiviti penggunaan sumber luar. Dari segi import, Malaysia terus mendapatkan komponen-komponen dari negara serantau, khususnya Singapura, Thailand, RR China dan China Taipei. Bahagian pasaran import bagi rantau ini kekal pada 48.7% (S4 2004: 48.1%), mencerminkan terutamanya import jentera, perkakas dan alat-alat ganti, barangan kimia dan barangan buatan logam.

Sementara itu, eksport ke AS dan Jepun mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, masing-masing sebanyak 12.1% dan 14.7% (S4 2004: masing-masing sebanyak 9.8% dan 9.9%), disokong terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap barangan elektrik dan elektronik, peralatan optik dan saintifik dan barangan berasaskan sumber, iaitu barangan kimia, kayu dan petroleum. Perkembangan yang ketara pada suku ini ialah pertumbuhan eksport yang lebih kukuh ke India sebanyak 37%, untuk mencakup bahagian pasaran eksport yang lebih tinggi sebanyak 3% (S4 2004: 2.5%). Ini mencerminkan terutamanya eksport barangan kimia, keluaran logam, peralatan optik dan saintifik dan barangan berkaitan petroleum yang lebih tinggi.

Import kasar meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 9.8%. Pertumbuhan import mencerminkan pengembangan dalam pengeluaran dan eksport barangan perkilangan serta penggunaan dalam negeri dan aktiviti pelaburan swasta. Import barangan pengantara berkembang sebanyak 10.4%, disokong oleh import bekalan perindustrian seperti barangan logam, keluaran besi dan keluli dan input berasaskan sumber, seperti kimia, barangan getah dan pulpa kertas. Pertumbuhan yang berterusan dalam permintaan terhadap kereta penumpang telah menyebabkan import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan meningkat dengan lebih tinggi. Pertumbuhan import bahan api dan pelincir yang lebih kukuh mencerminkan terutamanya harga minyak yang tinggi.

Pertumbuhan import



Import **barangan modal** kekal tinggi pada RM12.2 bilion pada suku pertama. Pertumbuhan import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy* kekal kukuh pada 10.1%, mencerminkan pengembangan kapasiti dan peningkatan tahap teknologi dalam sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan. Import jentera dan kelengkapan pejabat mencatat pertumbuhan yang kukuh. Peluasan infrastruktur rangkaian serta pengenalan

teknologi baru, khususnya teknologi generasi ketiga (3G) oleh syarikat-syarikat telekomunikasi telah menyebabkan import peralatan telekomunikasi mencatat pertumbuhan yang pesat. Peningkatan dalam aktiviti cari gali dan hiliran dalam industri minyak dan gas ekoran harga petroleum yang tinggi telah menyebabkan import peralatan pembinaan dan perlombongan yang lebih tinggi.

Sejajar dengan perbelanjaan pengguna swasta yang mapan serta permintaan yang lebih tinggi pada musim perayaan, import **barangan penggunaan** meningkat sebanyak 10.4%. Pertumbuhan dalam import barangan penggunaan disokong terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap makanan dan minuman serta barangan pengguna. Import barangan untuk dieksport semula meningkat 35.3% pada suku pertama, mencerminkan permintaan berterusan terhadap aktiviti pemasangan dan pembungkusan di zon perdagangan bebas.

Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
BARANGAN MODAL	**30.9**	**37.2**	**36.0**	**-0.3**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	20.0	30.4	28.3	8.1
Alat kelengkapan pengangkutan	221.4	90.8	151.0	-55.7
BARANGAN PENGANTARA	**21.1**	**13.5**	**22.2**	**10.4**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	32.9	25.1	52.9	-7.9
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	25.6	29.2	38.9	16.0
Bahan api dan pelincir	-2.2	68.4	41.8	95.7
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	20.8	-0.3	10.9	-0.3
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	17.8	38.9	35.0	41.2
BARANGAN PENGGUNAAN	**14.8**	**16.4**	**24.1**	**10.4**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	19.3	18.9	31.3	9.6
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	-31.1	-34.4	-6.7	-16.2
Barangan pengguna, t.s.t.l.	13.6	16.7	20.8	11.7
Barangan tahan lama	*11.9*	*18.5*	*21.1*	*9.1*
Barangan separa tahan lama	*15.8*	*8.2*	*17.7*	*5.2*
Barangan tidak tahan lama	*12.9*	*22.4*	*23.0*	*17.8*
BARANGAN DUA GUNA	**28.0**	**43.5**	**39.8**	**17.0**
LAIN-LAIN	**7.5**	**4.7**	**10.8**	**-6.0**
IMPORT TERTANGGUH	**21.9**	**17.3**	**24.3**	**8.7**
EKSPORT SEMULA	**89.6**	**77.6**	**102.9**	**35.3**
IMPORT KASAR	**23.7**	**19.1**	**26.4**	**9.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ketibaan pelancong yang lebih tinggi

Ketibaan pelancong meningkat sebanyak 4.6% kepada 4.2 juta orang pada suku pertama tahun 2005, meskipun Tsunami melanda rantau ini pada 26 Disember 2004. Peningkatan ketibaan pelancong disebabkan terutamanya oleh kunjungan pelancong dari Singapura dan Thailand, yang bersama-sama mencakup 69.5% daripada jumlah ketibaan pelancong. Acara antarabangsa seperti *Formula One Petronas Malaysia Grand Prix* juga telah menyumbang kepada peningkatan ketibaan pelancong. Ketibaan pelancong dari India meningkat 22.3% pada suku pertama

Ketibaan Pelancong Suku Tahunan



berbanding dengan suku sebelumnya, disokong oleh prestasi ekonomi yang lebih baik dan hubungan penerbangan yang lebih banyak sejajar dengan penambahan pintu masuk ke India. Kempen promosi dan pakej pelancongan yang menarik juga menyebabkan peningkatan sebanyak 29.6% pelancong jarak jauh dari Eropah.

Aliran masuk FDI mapan, manakala pelaburan portfolio sederhana

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing (FDI)** kekal tinggi pada RM4.4 bilion pada suku pertama tahun 2005 (S4 2004: RM4.7 bilion). Aliran masuk disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan perniagaan dan sokongan serta perdagangan borong dan runcit. Aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan terutamanya adalah untuk industri E&E, aktiviti berkaitan petroleum serta industri wayar dan kabel. Sektor minyak dan gas pula terus menerima aliran masuk FDI baru terutamanya daripada rakan-rakan kongsi pengeluaran asing dari Kanada dan AS. Setelah mengambil kira pelarasan untuk aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman kepada syarikat yang berkaitan dan likuidasi perniagaan milik asing di Malaysia, FDI mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM0.8 bilion (S4 2004: +RM1.7 bilion).

Aliran keluar kasar untuk **pelaburan luar negeri** meningkat kepada RM28 bilion (S4 2004: -RM18.1 bilion) disebabkan oleh pinjaman jangka pendek yang lebih tinggi yang diberikan oleh syarikat milik bukan pemastautin di Malaysia kepada syarikat berkaitan di luar negeri berikutan aktiviti operasi perbendaharaan berpusat. Namun, sebahagian besar aliran keluar ini telah diimbangi oleh aliran masuk hasil daripada pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku tersebut. Setelah mengambil kira aliran masuk yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat dari luar negeri, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM3.2 bilion pada suku pertama tahun 2005 (S4 2004: -RM3.6 bilion). Pelaburan luar negeri dilakukan terutamanya oleh syarikat daripada sektor perkhidmatan, khususnya subsektor pengangkutan dan komunikasi, mencerminkan pengambilalihan sebuah syarikat telekomunikasi mudah alih di Indonesia. Dalam sektor perkilangan, pelaburan luar negeri disalurkan terutamanya kepada aktiviti berkaitan dengan petroleum dan industri separa konduktor serta komponen elektronik yang lain. Sementara itu, syarikat dalam sektor minyak dan gas terus melabur ke luar negeri dengan pelaburan disalurkan terutamanya ke rantau Asia dan Afrika.

Aliran masuk bersih **pelaburan portfolio** menyederhana kepada RM3 bilion (S4 2004: RM10.4 bilion) kerana pengurus-pengurus dana mengagih semula portfolio ekuiti mereka di rantau Asia.

Hutang luar negeri berkurang

Jumlah hutang luar negeri Malaysia berkurang kepada RM195 bilion atau USD51.3 bilion pada akhir bulan Mac 2005 (S4 2004: RM200.5 bilion atau USD52.8 bilion) bersamaan dengan 43.9% daripada KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan**

panjang adalah lebih rendah pada RM154.3 bilion atau USD40.6 bilion (S4 2004: RM156.6 bilion atau USD41.2 bilion), sebahagian besar disebabkan oleh pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK). PABK mencatat pembayaran balik bersih sebanyak RM2.5 bilion, mencerminkan jumlah pengambilan pinjaman luar negeri yang ternyata lebih rendah manakala jumlah pembayaran balik pula lebih besar. Pembayaran balik pinjaman, termasuk kematangan satu bon dalam sebutan dolar AS, telah dilakukan terutamanya oleh PABK dalam sektor perkilangan. Sementara itu, sektor swasta mencatat pengambilan pinjaman luar negeri bersih, terutamanya oleh syarikat-syarikat dari sektor pertanian dan minyak dan gas.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** adalah lebih rendah pada RM40.7 bilion atau USD10.7 bilion (S4 2004: RM44 bilion), mencerminkan peminjaman jangka pendek yang lebih rendah oleh sektor perbankan dan sektor swasta bukan bank. Pada akhir bulan Mac, hutang jangka pendek kekal rendah, mencakup 20.9% daripada jumlah hutang luar negeri dan kira-kira 14.8% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2004		2005
	S1	S4	S1[p]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	150.0	156.6	154.3
Sektor awam	94.3	97.7	93.7
Sektor swasta	55.7	58.9	60.6
Hutang jangka pendek[1]	35.3	44.0	40.7
Jumlah hutang luar negeri	185.3	200.5	195.0
- bersamaan USD bilion	48.8	52.8	51.3

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan pemastautin

[p] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri Terkumpul



1 Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat lagi pada suku pertama tahun 2005. Pada 31 Mac 2005, rizab antarabangsa bersih berjumlah RM275.2 bilion atau USD72.4 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM21.6 bilion atau USD5.7 bilion sejak akhir tahun 2004. Peningkatan rizab pada suku tersebut disokong terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang mapan, aliran masuk FDI dan dana portfolio. Sementara itu, aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan, penghantaran balik keuntungan dan dividen serta pembayaran balik pinjaman luar negeri. Paras rizab juga mengambil kira kerugian daripada pelarasan suku tahunan penilaian semula tukaran asing sebanyak USD1.2 bilion.

Rizab terus meningkat kepada RM284.4 bilion atau USD74.8 bilion pada 14 Mei 2005, mencerminkan penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, aliran masuk FDI dan dana portfolio. Kedudukan rizab adalah memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh dan adalah 7.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Kedudukan fiskal bertambah baik

Kerajaan Persekutuan mencatat lebihan fiskal sebanyak RM2.6 bilion atau 2.3% daripada KDNK pada suku pertama disebabkan oleh kutipan hasil yang kukuh dan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah. Prestasi hasil yang kukuh dicatat pada suku pertama, terutamanya daripada hasil berasaskan petroleum yang lebih tinggi. Kebanyakan sumber utama cukai tidak langsung mencatat pertumbuhan yang lebih baik, mencerminkan permintaan agregat dalam negeri yang lebih tinggi. Dengan keadaan mudah tunai yang berlebihan dalam pasaran dalam negeri, dana diperoleh keseluruhannya daripada sumber dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2005, hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM223.1 bilion atau 47.4% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan kekal rendah pada tahap 7.2% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[p]



[p] Awalan

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2004			2005
	S1	S4	Tahun	S1[p]
	RM bilion			
Hasil	17.7	35.3	99.4	21.1
% perubahan tahunan	*29.3*	*2.5*	*7.3*	*19.2*
Perbelanjaan mengurus	16.2	35.5	91.3	15.9
% perubahan tahunan	*26.7*	*58.3*	*21.4*	*-1.5*
Akaun semasa	**1.6**	**-0.2**	**8.1**	**5.2**
% daripada KDNK	***1.5***	***-0.2***	***1.8***	***4.5***
Perbelanjaan pembangunan kasar	4.9	10.5	28.9	2.8
% perubahan tahunan	*-38.0*	*-26.8*	*-26.7*	*-42.9*
Terimaan balik pinjaman	0.1	1.0	1.3	0.2
Imbangan keseluruhan	**-3.2**	**-9.8**	**-19.4**	**2.6**
% daripada KDNK	***-3.1***	***-8.3***	***-4.3***	***2.3***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	21.0	46.0	120.2	18.7
% perubahan tahunan	*2.1*	*25.1*	*4.9*	*-11.1*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	194.3	216.6	216.6	223.1
% daripada KDNK	*43.2*	*48.2*	*48.2*	*47.4*
Hutang dalam negeri	157.0	182.0	182.0	189.3
% daripada KDNK	*34.9*	*40.5*	*40.5*	*40.2*
Hutang luar negeri	37.3	34.7	34.7	33.8
% daripada KDNK	*8.3*	*7.7*	*7.7*	*7.2*

[p] Awalan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan

Pada suku pertama, penunjuk-penunjuk monetari dan kewangan terus mencerminkan pengembangan yang mapan dalam aktiviti ekonomi asas dengan dasar monetari terus menyokong pertumbuhan. Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada paras 2.70%. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.67%-2.73%, iaitu berpurata 2.70% bagi tempoh 1 Januari - 30 April 2005. Kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang berlebihan dalam sistem perbankan terus menyokong pembiayaan aktiviti ekonomi melalui sistem perbankan dan pasaran modal.

Kadar Faedah

	S1 04	S4 04	S1 05
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar campur tangan 3-bulan*	4.50		
Kadar Dasar Semalaman (KDS)*		2.70	2.70
Kadar antara bank			
Semalaman	2.71	2.69	2.70
1 bulan	2.98	2.77	2.76
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.00	5.98	5.98
Syarikat kewangan	6.90	6.90	6.90
Purata kadar pinjaman (ALR)			
Bank perdagangan	6.10	5.98	5.90
Syarikat kewangan	8.95	8.78	8.63
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70

* Berkuat kuasa 26 April 2004, Kadar Dasar Semalaman (KDS) menggantikan kadar campur tangan 3-bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari.

Purata Wajaran Harian Kadar Antarabank Semalaman



Operasi Mudah Tunai BNM
(Pada suku tahunan, RM juta)



Kadar Pemberian Pinjaman Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata bagi bulan)



Pada akhir bulan Mac 2005, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah, masing-masing pada 5.98% dan 6.90%, sementara kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing menurun kepada 5.90% dan 8.63%.

Pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada paras yang tinggi

Pada suku pertama tahun 2005, pembiayaan kasar sektor swasta yang diperoleh melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM133.9 billion (S4 2004: RM142.6 bilion) dengan kadar pertumbuhan tahunan 12.3% (S4 2004: 6.7%). Walau bagaimanapun, jumlah pembiayaan ini kurang sedikit berbanding dengan jumlah pada suku sebelumnya, sebahagiannya disebabkan oleh bilangan hari bekerja yang kurang pada suku pertama. Sementara itu, pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat lagi pada kadar tahunan 9.6% pada akhir bulan Mac 2005 (akhir tahun 2004: 9%), didorong terutamanya oleh pinjaman terkumpul yang meningkat pada kadar tahunan 9.1% pada akhir bulan Mac 2005 (akhir tahun 2004: 8.5%).

Penunjuk pinjaman utama mencatat pertumbuhan positif pada suku pertama.

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan Dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Annual change (%)			
	S1 04	S4 04	2004	S1 05	S1 04	S4 04	2004	S1 05
Jumlah pembiayaan kasar	119.2	142.6	522.8	133.9	1.7	6.7	6.2	12.3
Pengeluaran pinjaman	114.9	130.8	488.2	126.6	14.4	8.3	10.6	10.2
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	2.8	9.5	28.1	5.3	-82.5	14.7	-34.4	86.4
Ekuiti	1.5	2.3	6.5	2.0	160.1	-49.3	-16.7	31.6
Jumlah terkumpul pembiayaan (A) +(B)	6.9	18.2	55.6	11.2	8.2	9.0	9.0	9.6
Sistem perbankan	3.3	10.7	39.0	8.2	5.3	7.7	7.7	8.6
Baki pinjaman (A)[1]	*5.3*	*11.9*	*40.1*	*8.7*	*5.7*	*8.5*	*8.5*	*9.1*
Pegangan PDS	*-2.0*	*-1.2*	*-1.1*	*-0.6*	*0.1*	*-3.1*	*-3.1*	*1.3*
PDS terkumpul (B)	1.6	6.3	15.5	2.5	17.5	10.7	10.7	11.2
Memoranda								
PDS kasar (termasuk Cagamas)	6.0	10.1	36.3	5.5	-65.3	-3.9	-28.7	-9.2

[1] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2004	S1 04	S4 04	S1 05		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	335.3	78.2	90.8	86.9	68.7	41.9
Syarikat besar	*234.9*	*54.6*	*63.7*	*61.0*	*48.2*	*24.8*
PKS	*100.4*	*23.7*	*27.2*	*25.9*	*20.5*	*17.1*
Isi rumah	130.3	30.8	34.0	33.9	26.8	52.3
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.7	3.1	3.4	3.1	2.5	2.1
Perlombongan dan kuari	2.0	0.5	0.7	0.5	0.4	0.2
Perkilangan	121.5	27.2	32.5	30.9	24.4	12.0
Sektor harta benda yang luas	88.8	21.0	23.2	22.0	17.4	40.8
Pembinaan	*30.3*	*7.0*	*8.5*	*7.4*	*5.8*	*5.8*
Pembelian rumah kediaman	*38.8*	*9.5*	*9.3*	*9.2*	*7.3*	*26.3*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*12.1*	*2.7*	*3.3*	*3.5*	*2.8*	*6.1*
Harta tanah	*7.5*	*1.8*	*2.1*	*1.9*	*1.5*	*2.7*
Bekalan elektrik, gas dan air	6.4	1.5	2.2	1.4	1.1	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	83.7	18.3	24.0	22.3	17.6	8.4
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9.5	2.5	2.6	1.9	1.5	1.8
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	36.5	10.6	8.6	11.1	8.7	6.1
Jumlah	**488.2**	**114.9**	**130.8**	**126.6**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	S1 04	S4 04	2004	S1 05	S1 04	S4 04	2004	S1 05
Jumlah								
Permohonan pinjaman	58.6	67.8	273.3	68.4	4.4	21.6	20.1	16.9
Kelulusan pinjaman	37.2	43.2	173.6	42.6	5.2	10.9	13.6	14.6
Pengeluaran pinjaman	114.9	130.8	488.2	126.6	14.4	8.3	10.6	10.2
Bayaran balik pinjaman	112.5	120.7	461.6	117.9	11.5	-1.8	7.3	4.8
Perubahan baki pinjaman*	5.3	11.9	40.1	8.7	5.7	8.5	8.5	9.1
Di antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	30.5	37.4	149.9	36.3	-9.9	31.0	20.0	19.0
Kelulusan pinjaman	17.2	21.7	84.9	20.0	-5.1	14.8	9.8	16.3
Pengeluaran pinjaman	78.2	90.8	335.3	86.9	14.9	7.8	10.5	11.1
Bayaran balik pinjaman	75.6	84.5	319.8	82.6	8.9	-2.7	6.8	9.3
Perubahan baki pinjaman*	-0.4	1.0	5.5	...	-0.6	2.6	2.6	2.8
PKS								
Permohonan pinjaman	10.5	13.9	54.2	13.1	-17.8	41.4	21.7	24.4
Kelulusan pinjaman	5.7	8.7	31.6	8.1	-15.9	30.5	22.0	40.8
Pengeluaran pinjaman	23.7	27.2	100.4	25.9	12.3	9.1	15.3	9.6
Perubahan baki pinjaman*	-1.1	2.2	6.3	1.2	5.3	7.7	7.7	10.5
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	20.0	23.5	95.7	23.2	-5.0	25.5	19.1	16.2
Kelulusan pinjaman	11.5	12.9	53.3	12.0	1.4	6.2	3.7	4.1
Pengeluaran pinjaman	54.6	63.7	234.9	61.0	16.0	7.2	8.6	11.7
Perubahan baki pinjaman*	0.6	-1.2	-0.8	-1.2	-3.9	-0.6	-0.6	-2.0
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	27.2	29.3	120.2	31.0	29.9	15.0	22.1	14.0
Kelulusan pinjaman	19.3	21.3	86.8	21.9	20.8	14.1	20.5	13.3
Pengeluaran pinjaman	30.8	34.0	130.3	33.9	17.5	12.0	13.9	10.0
Bayaran balik pinjaman	26.8	27.9	107.0	28.1	19.2	6.2	13.7	4.6
Perubahan baki pinjaman*	6.0	8.9	33.3	8.7	12.9	14.4	14.4	15.2

... terlalu kecil
* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat 11.1% pada suku tersebut (S4 2004: 7.8%) dan masih disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (35.6% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan); sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (25.6%); dan sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (12.7%). Permintaan yang lebih tinggi terhadap pembiayaan oleh sektor perniagaan juga dicerminkan oleh permohonan dan kelulusan pinjaman yang terus mencapai kadar pertumbuhan yang berterusan, masing-masing pada 19% dan 16.3% pada suku pertama (S4 2004: masing-masing 31% dan 14.8%). Apa yang penting ialah pinjaman terkumpul sektor perniagaan mencatat kadar pertumbuhan tahunan positif selama dua suku berturut-turut dan kekal kukuh pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.8% pada akhir bulan Mac 2005

(akhir tahun 2004: 2.6%). Tambahan pula, pertumbuhan pinjaman kepada sektor perniagaan adalah dalam suasana nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar sektor perniagaan yang semakin menurun kepada 12.7% pada akhir bulan Mac 2005 (akhir tahun 2004: 13.7%).

Dalam sektor perniagaan, pinjaman bank kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus meningkat. Pinjaman terkumpul PKS meningkat dengan ketara sebanyak 10.5% mengikut asas tahunan pada akhir bulan Mac 2005 (akhir tahun 2004: 7.7%). Sementara itu, pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS meningkat pada kadar tahunan 9.6% pada suku pertama tahun 2005 (S4 2004: 9.1%), dengan pinjaman sebanyak RM8.1 bilion diluluskan kepada 19,711 akaun PKS sepanjang suku tersebut (S4 2004: RM8.7 bilion diluluskan kepada 25,924 akaun PKS).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Pembiayaan kepada sektor isi rumah kekal pada paras yang tinggi. Sebagai mencerminkan permintaan pembiayaan bank oleh sektor isi rumah yang berterusan, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor ini meningkat pada kadar tahunan sebanyak 10% pada suku pertama (S4 2004: 12%), dan ini terus disalurkan kepada perbelanjaan kad kredit (29.4% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah), pembelian harta kediaman (27.3%) dan pembelian kereta penumpang (25.3%). Permohonan dan kelulusan pinjaman juga meningkat, masing-masing pada kadar tahunan 14% dan 13.3% (S4 2004: masing-masing 15% dan 14.1%). Sementara itu, pertumbuhan pinjaman terkumpul sektor isi rumah adalah lebih tinggi pada 15.2% pada akhir bulan Mac 2005 (akhir tahun 2004: 14.4%). Sebagaimana pinjaman sektor perniagaan, nisbah NPL kasar pinjaman sektor isi rumah adalah rendah sedikit pada 7.4% pada akhir bulan Mac 2005 (akhir tahun 2004: 7.5%).

Pertumbuhan bekalan wang kekal sejajar dengan pengembangan ekonomi

Agregat monetari berkembang pada suku pertama tahun 2005 sejajar dengan pengembangan aktiviti ekonomi dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2005, wang secara kecil atau M1, berkembang pada kadar tahunan

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Faktor Penentu M3

	Perubahan pada tempoh			
	Suku Tahunan		Tahunan	Suku Tahunan
	S1 04	S4 04	2004	S1 05
	RM bilion			
M3	18.9	25.7	68.0	26.4
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-6.0	-5.3	-15.9	-9.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	3.7	3.8	30.0	9.1
Operasi luar bersih*	33.3	30.6	81.9	29.0
Pengaruh lain	-12.2	-3.4	-28.1	-2.7

* Sebelum penilaian semula

9.4% (akhir 2004: 11.9%). Sementara itu, wang secara luas atau M3, berkembang pada kadar tahunan 13.3% pada akhir bulan Mac 2005 (akhir tahun 2004: 12.4%). Ini disebabkan oleh peningkatan dalam tuntutan atas sektor swasta berikutan pemberian pinjaman oleh sistem perbankan yang bertambah serta aliran masuk dana luar yang berterusan.

Pasaran modal kekal sebagai sumber pembiayaan utama

Pada suku pertama tahun 2005, pasaran modal kekal sebagai sumber pembiayaan utama, terutamanya bagi pembiayaan perniagaan jangka panjang, dengan jumlah dana bersih yang diperoleh sebanyak RM10.5 bilion. Dalam pasaran hutang sekuriti swasta (PDS), dana kasar yang diperoleh berjumlah RM5.5 bilion atau 1.8 kali jumlah yang diperoleh pada suku yang sama tahun lepas. Dana ini diperoleh 25 syarikat, dengan 66.4% daripada dana ini disalurkan kepada sektor kewangan dan perkhidmatan perniagaan, diikuti oleh sektor perkilangan. Sektor swasta terus mengambil kesempatan daripada persekitaran kadar faedah yang rendah memandangkan sebahagian besar perolehan dana digunakan untuk tujuan penstrukturan semula dan pembiayaan semula (masing-masing 37% dan 28.1% daripada jumlah terbitan PDS). Dana yang diperoleh untuk aktiviti baru mencakup sebanyak 22% daripada jumlah terbitan PDS. Pada suku tersebut, satu aset kelas baru telah diperkenalkan dengan terbitan sulung bon pihak berkuasa tempatan berasaskan prinsip Islam bernilai RM80 juta yang bersandarkan kepada kutipan cukai pintu pihak berkuasa tempatan. Setelah membuat pelarasan untuk penebusan, jumlah dana bersih yang diperoleh dari pasaran PDS berjumlah RM1.3 bilion.

Terbitan bon oleh sektor awam kekal ketara dan mencakup sebanyak 68.7% daripada jumlah perolehan dana bersih. Kerajaan menerbitkan dua Sekuriti Hutang Kerajaan (MGS) yang bertempoh matang 5.5

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2004		2004	2005
	S1	S4		S1
	RM juta			
Oleh Sektor Awam				
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	11,000	7,021	43,173	4,000
Tolak Penebusan	5,500	1,000	18,200	-
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	5,500	6,021	24,973	4,000
Khazanah Bon, *bersih*	-	-	(1,198)	833
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	-	1,243	1,423	2,000
Bon Simpanan Malaysia, *bersih*	45	436	1,474	357
Dana Bersih yang Diperoleh	5,545	7,700	26,671	7,190
Oleh Sektor Swasta				
Saham	1,527	2,316	6,475	2,009
Sekuriti hutang	6,041	10,083	36,340	5,486
Sekuriti Hutang Swasta	2,836	9,483	28,050	5,286
Cagamas	3,205	600	8,290	200
Tolak Penebusan	6,928	4,463	26,814	4,212
Terbitan bersih	(887)	5,620	9,526	1,274
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	(2,092)	5,494	8,402	2,634
Dana Bersih yang Diperoleh	640	7,936	16,001	3,282
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	6,185	15,636	42,672	10,473
Kertas dan nota jangka-pendek, *bersih*[1]	(269)	(1,103)	(3,208)	587
Jumlah	5,916	14,533	39,465	11,059

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan
(% daripada jumlah)



tahun dan 10.5 tahun. Buat julung kalinya, Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) bertempoh 10 tahun diterbitkan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memanjangkan keluk kadar hasil tanda aras berasaskan Islam.

Dana yang diperoleh dari pasaran ekuiti kekal tinggi sebanyak RM2 bilion. Sejumlah besar daripada dana tersebut diperoleh melalui 22 tawaran awam awal (IPO) berjumlah RM1.8 bilion. Pada suku tersebut, terdapat 23 penyenaraian baru di Bursa Malaysia dengan enam penyenaraian di Papan Utama, lapan di Papan Kedua dan sembilan di Pasaran MESDAQ.

Prestasi KLCI menurun berikutan kebimbangan mengenai peningkatan harga minyak

Kebimbangan mengenai kekukuhan perolehan korporat dan kesan buruk daripada kenaikan harga minyak terus memberi kesan terhadap prestasi pasaran ekuiti. Pada suku pertama, KLCI menurun sebanyak 36.08 mata dengan mengakhiri suku tersebut pada paras lebih rendah sebanyak 871.35 (-4% sejak akhir tahun 2004). Akibat daripada penurunan itu, permodalan pasaran adalah lebih rendah sebanyak RM694.9 bilion (akhir 2004: RM722

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2004				2004		2005	
	S1		S4				S1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	37,737	77,036	27,364	51,771	107,610	215,623	30,042	56,261
di antaranya:								
Papan Utama	27,626	61,454	20,186	45,129	78,132	180,408	21,236	48,384
di antaranya								
- Barangan Pengguna	1,173	3,905	899	2,924	4,008	12,583	1,018	3,117
- Barangan Perusahaan	4,087	6,067	4,036	4,978	12,365	17,427	4,829	5,767
- Pembinaan	1,693	4,044	1,070	1,922	4,721	9,582	1,579	3,114
- Perdagangan/Perkhidmatan	5,632	19,975	5,500	16,991	18,937	63,418	4,320	15,710
- Kewangan	4,536	14,521	1,958	8,090	10,843	38,176	3,059	10,495
- Harta benda	4,159	5,145	3,205	5,468	11,749	17,151	3,367	5,602
- Perladangan	762	3,106	771	2,171	2,455	10,184	604	2,168
- Perlombongan	43	140	-	1	48	175	0	1
Papan Kedua	6,258	11,249	4,227	4,102	18,516	24,948	5,537	5,586

Sumber: Bursa Malaysia

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Pertama 2005



Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir		
	2004		2005
	S1	S4	S1
Indeks Harga			
- Komposit	901.85	907.43	871.35
- EMAS	219.76	214.26	204.98
- Papan Kedua	135.33	110.87	101.76
Purata Urus niaga harian			
- Jumlah (juta unit)	650.65	441.36	517.97
- Nilai (RM juta)	1,328.20	835.02	965.78
Permodalan Pasaran (RM b)	724.15	722.04	694.89
Bilangan Syarikat yang Disenaraikan	923	962	982

Sumber: Bursa Malaysia

bilion). Namun begitu, aktiviti dagangan meningkat dengan urus niaga harian purata lebih tinggi dari segi jumlah dan nilai.

Urus niaga sekunder yang lebih tinggi dalam pasaran bon

Dalam pasaran sekunder, jumlah urus niaga meningkat kepada RM98.8 juta pada suku pertama (S4 2004: RM91.7 juta), dengan urus niaga yang tertinggi dicatat pada bulan Mac. Sekuriti Kerajaan mencakupi 66.7% daripada jumlah urus niaga, manakala bon Cagamas dan Khazanah menyumbang 10.9% daripada jumlah urus niaga. Dari segi mudah tunai, bon GII dan Khazanah merupakan kertas yang paling cair, masing-masing merekodkan nisbah mudah tunai sebanyak 1.24 dan 0.42.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sepanjang suku pertama tahun 2005, sentimen dalam pasaran bon adalah positif sehingga minggu terakhir bulan Mac. Kadar hasil tanda aras MGS meningkat sedikit sebelum mengalami trend menurun pada akhir bulan Januari, berikutan kebimbangan mengenai impak kenaikan harga minyak mentah atas pertumbuhan ekonomi global, serta permintaan yang lebih tinggi oleh pelabur bukan pemastautin terhadap sekuriti pendapatan tetap dalam denominasi ringgit. Seterusnya, kadar hasil MGS yang jangka

Arah Aliran Kadar Hasil SKM



pendek meningkat pada akhir bulan Mac, mencerminkan peningkatan kadar hasil Perbendaharaan AS berikutan kenaikan kadar faedah Federal Fund dan juga kebimbangan terhadap tekanan inflasi dalam ekonomi AS. Akibatnya, kadar hasil tanda MGS 3 tahun dan 5 tahun meningkat, masing-masing sebanyak 31 mata asas dan 13 mata asas pada suku tersebut.

Prestasi ringgit

Mencerminkan pergerakan dalam dolar AS, ringgit meningkat nilai berbanding dengan mata wang utama pada suku pertama. Meskipun yen mencecah paras yang paling tinggi dalam tempoh 5 tahun iaitu 102.095 pada 17 Januari, dolar AS menambah nilai berbanding dengan mata wang tersebut disebabkan jangkaan kenaikan dan seterusnya

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih
Peratus Pertukaran (1 Januari - 31 Mac 2005)



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh					% perubahan sejak*			
	30 Jun 97	02 Sep 98	S1 04	S4 04	S1 05	30 Jun 97	02 Sep 98	S1 04	S4 04
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	3.8000	-33.6	0.0	0.0	0.0
Euro	-	-	4.6522	5.1729	4.9125	-	-	-5.3	5.3
Paun Sterling	4.1989	6.3708	6.9667	7.3169	7.1415	-41.2	-10.8	-2.4	2.5
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.6334	3.7026	3.5446	-37.7	-21.7	2.5	4.5
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.2633	2.3258	2.3034	-23.4	-4.5	-1.7	1.0
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.6239	9.7636	9.7013	0.5	-3.4	-0.8	0.6
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.7580	6.7706	6.9381	38.2	27.3	-2.6	-2.4
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0442	0.0408	0.0401	159.0	-11.7	10.4	1.9
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3308	0.3671	0.3734	-23.9	-24.3	-11.4	-1.7

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

kenaikan kadar faedah AS sebanyak 0.25% setiap kali dalam dua mesyuarat *Federal Open Market Committee*. Jangkaan bahawa kadar faedah akan dinaikkan dengan lebih cepat untuk membendung tekanan inflasi turut menyumbang kepada peningkatan nilai dolar AS. Pada masa yang sama, ramalan dan data ekonomi menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang positif di AS akan terus mengatasi pertumbuhan ekonomi di kawasan euro dan negara Jepun pada tahun 2005.

Dolar AS, dan oleh itu ringgit, menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Kebimbangan bahawa harga minyak yang meningkat akan menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi serantau menyumbang kepada penurunan sedikit dalam nilai mata wang serantau. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan won Korea disebabkan pengeksport Korea terus menghantar balik perolehan dari luar negeri. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina ekoran pandangan optimis pelabur bahawa cadangan kenaikan cukai akan diluluskan oleh Kongres negara itu.

PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PERBANKAN

Sistem perbankan kekal kukuh dengan tahap permodalan yang tinggi dan keuntungan yang bertambah baik pada suku pertama tahun 2005. Pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan terus menurun pada suku tersebut, seterusnya memperkukuh kedudukan kewangan sistem perbankan.

Permodalan kekal kukuh

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan kekal kukuh masing-masing pada tahap 13.7% dan 10.8%, walaupun kedua-dua nisbah tersebut adalah rendah sedikit. Penurunan RWCR disebabkan terutamanya oleh kesan daripada modal asas yang lebih rendah (-RM1.1 bilion atau -1.4%) dan aset berwajaran risiko yang lebih tinggi (+RM13.5 bilion atau +2.4%). Modal asas yang lebih rendah disebabkan oleh pelaburan yang lebih tinggi dalam anak syarikat dan agihan semula keuntungan kepada pemegang saham oleh beberapa institusi perbankan pada suku pertama, sementara aktiviti pemberian pinjaman yang lebih tinggi menyebabkan peningkatan dalam aset berwajaran risiko.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2003	2004				2005
	S4	S1	S2	S3	S4	S1
Modal						
CCR (%)	11.1	11.0	11.7	11.4	11.2	10.8
RWCR (%)	13.8	13.7	14.3	13.9	14.2	13.7

Keuntungan bertambah baik berikutan perbelanjaan yang lebih rendah

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat sebanyak RM0.3 bilion (+12.2%) kepada RM3 bilion pada suku pertama tahun 2005. Prestasi yang lebih kukuh ini dicapai berikutan penurunan yang nyata dalam peruntukan hutang lapuk dan ragu (-50%) dan perbelanjaan operasi (-5.5%), yang lebih daripada mengimbangi penurunan yang kecil dalam pendapatan faedah bersih (-2.7%) dan pendapatan berasaskan fi (-1.9%). Ini menyebabkan kenaikan yang ketara dalam keuntungan operasi kasar selepas ditolak peruntukan hutang lapuk dan ragu kepada RM2.2 bilion (+71.7%) pada suku tersebut. Pulangan tahunan atas aset purata dan ekuiti masing-masing meningkat kepada 1.4% dan 16.8% (S4 2004: 1.3% dan 14.9%).

NPL terus menurun

NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun sebanyak 4.7% pada suku pertama kepada RM27.3 bilion, justeru

Sistem Perbankan: Pinjaman tidak Berbayar



menyebabkan nisbah NPL menurun kepada 5.4% daripada jumlah pinjaman bersih (S4 2004: 5.8%). Penurunan tersebut disebabkan terutamanya oleh pengkelasan pinjaman sebagai NPL yang lebih rendah serta penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman yang lebih banyak pada suku tersebut. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan mencatat peningkatan yang kecil sebanyak 0.1% kepada RM36.8 bilion atau 7.3% daripada jumlah pinjaman bersih (S4 2004: 7.5%).

Sesi Dialog dengan Institusi Perbankan
17-18 Februari 2005, Kuala Lumpur

"Memperkukuh Sistem Perbankan bagi Menghadapi Persaingan yang Meningkat"

Ucaptama oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Transformasi ekonomi, persekitaran yang lebih kompetitif, kemajuan teknologi, pengukuhan hubungan antarabangsa dan pelanggan yang lebih arif akan menjadi daya dorongan penting bagi menentukan arah perubahan dalam landskap kewangan domestik pada tahun-tahun yang akan datang. Transformasi ekonomi dijangka menjadi lebih nyata berdasarkan usaha yang semakin gigih untuk mengalihkan sumber ke sektor pertumbuhan baru. Persekitaran yang lebih kompetitif akan muncul hasil peningkatan penyahkawalseliaan dan liberalisasi yang selanjutnya. Kemajuan teknologi akan terus meningkatkan potensi untuk menghasilkan instrumen kewangan dan proses perniagaan yang baru, serta meningkatkan kemampuan untuk mengukur dan mengurus risiko. Rantaian antarabangsa akan diperkukuh dengan peningkatan kehadiran dan penyertaan pihak asing dalam sistem kewangan domestik, di samping inisiatif kumpulan perbankan domestik untuk beroperasi di luar negara. Berdasarkan latar belakang ini, permintaan dan kehendak pelanggan yang semakin meningkat akan menghasilkan konsumerisme yang lebih aktif dan seterusnya mempengaruhi pembentukan landskap kewangan. Sesungguhnya, perkembangan-perkembangan ini akan menghasilkan persekitaran yang dinamik dan cabaran yang baru kepada industri perbankan.

Dengan sukacitanya, saya mengalu-alukan kedatangan para hadirin ke sesi dialog antara Bank Negara Malaysia dengan industri perbankan. Dialog ini akan memberi peluang kepada industri perbankan untuk berbincang dengan Bank Negara Malaysia mengenai perkembangan-perkembangan ini dan implikasinya, isu-isu penting yang telah timbul serta inisiatif dasar Bank Negara Malaysia.

Melangkah ke tahun 2005, adalah penting bagi kita merenung kembali kemajuan yang telah kita capai, cabaran baru yang timbul dan tindakan yang perlu diambil untuk mendorong prestasi pada masa akan datang. Sistem perbankan Malaysia pada hari ini sungguh memberangsangkan, mantap dan menguntungkan. Malahan, sistem perbankan kini berada pada kedudukan yang paling kukuh sejak krisis kewangan. Tahap modal yang tinggi, kualiti aset yang meningkat dan keuntungan yang kukuh turut diperteguh oleh peningkatan yang nyata dalam bidang tadbir urus korporat dan tahap pengurusan risiko. Pelaburan yang besar telah juga dibuat untuk memperkukuh sistem dan proses dalaman, meningkatkan saluran penghantaran dan

mendapatkan bakat. Secara keseluruhan, kesemua peningkatan ini membolehkan institusi perbankan, terutamanya institusi perbankan domestik, terus berdaya saing dan menawarkan produk terbeza serta perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah. Sesungguhnya, persekitaran yang kompetitif turut mendorong institusi perbankan domestik supaya berusaha untuk mencapai tahap kecekapan yang lebih tinggi serta mempelopori bidang perniagaan baru, mendapatkan sumber pendapatan baru dan menjalin hubungan dengan institusi perbankan serantau. Yang paling ketara, kemajuan tersebut telah membolehkan institusi perbankan memainkan peranan yang penting dalam membantu peningkatan peranan sektor swasta dalam proses pertumbuhan ekonomi.

Kini, asas prestasi yang kukuh bagi institusi perbankan domestik telah dibentuk dengan baik. Ketika kita melangkah ke fasa kedua Pelan Induk Sektor Kewangan, dasar penyahkawalseliaan dan liberalisasi sistem perbankan secara beransur-ansur akan dilengkapkan dengan matlamat untuk mendatangkan lebih banyak manfaat kepada ekonomi secara keseluruhan. Sementara bank asing akan mendapat manfaat daripada proses ini, sifat timbal balik perlu wujud dalam hubungan antara bank asing dengan ekonomi kita. Sememangnya diakui bahawa sumbangan bank asing terhadap pembangunan sektor kewangan kita adalah memberangsangkan. Mereka telah melabur modal yang besar dan membantu pemindahan kemahiran dan teknologi ke Malaysia. Namun begitu, persekitaran ekonomi yang stabil dan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat juga telah memberikan manfaat dan memajukan bank asing. Oleh itu, sungguhpun kefleksibelan operasi akan diberi kepada bank asing yang sedia ada untuk membolehkan mereka memenuhi keperluan ekonomi yang semakin berkembang, bank asing juga perlu menjadi lebih bersepadu dengan ekonomi negara. Ini termasuk usaha memastikan semua segmen masyarakat mendapat akses kepada produk dan khidmat perbankan pada kos yang mampu ditanggung dan tidak hanya tertumpu pada lokasi tertentu sahaja. Oleh yang demikian, potensi pembukaan lebih banyak cawangan akan diseimbangkan dengan keperluan taburan cawangan supaya turut meliputi kawasan luar bandar. Sungguhpun sebahagian besar tumpuan bank asing adalah di kawasan bandar, catatan menunjukkan institusi perbankan domestik yang mempunyai banyak cawangan di kawasan luar bandar adalah di kalangan institusi perbankan yang telah dapat mengekalkan prestasi kukuh.

Prospek ekonomi bagi tahun 2005 dijangka terus menggalakkan. Walaupun terdapat tanda-tanda pertumbuhan di peringkat global akan menjadi semakin perlahan, ini bukanlah perkara yang membimbangkan memandangkan keadaan asas dalam persekitaran global terus menyokong pertumbuhan. Perkembangan yang positif ialah peningkatan pendapatan dan peluang pekerjaan dalam ekonomi terbesar dunia, iaitu Amerika Syarikat, sementara pertumbuhan di rantau Asia terus mantap dan saling memperkukuh. Walaupun harga komoditi lebih tinggi, tekanan inflasi dalam ekonomi utama kekal sederhana. Meskipun beberapa negara telah mula menaikkan kadar faedah, persekitaran sedia ada membolehkan

kenaikan kadar faedah tersebut dilaksanakan secara beransur-ansur dan menyokong pertumbuhan. Oleh itu, pertumbuhan global pada tahun 2005 akan kekal kukuh walaupun kadar pertumbuhan tersebut mungkin menjadi sederhana.

Walau bagaimanapun, persekitaran global semasa telah terjejas akibat ketidakpastian yang timbul daripada ketidakseimbangan global. Amerika Syarikat terus mencatat defisit yang besar dalam akaun fiskal dan akaun semasa. Perbincangan yang meluas telah diadakan di peringkat global mengenai bentuk pelarasan yang perlu diambil. Pada masa ini, perbincangan mengenai langkah-langkah menangani ketidakseimbangan yang wujud lebih tertumpu pada tekanan untuk penjajaran semula kadar pertukaran. Akhirnya, ketidakseimbangan struktur ini perlu ditangani oleh negara-negara di mana wujud ketidakseimbangan ini. Sungguhpun kadar pertukaran mungkin merupakan sebahagian daripada penyelesaiannya, tetapi ini hanyalah sebahagian kecil daripada penyelesaian keseluruhan. Walau bagaimanapun, isu daya saing memerlukan lebih daripada pelarasan kepada kadar pertukaran. Ini memerlukan perubahan kepada struktur asas dalam negara-negara berkenaan. Peningkatan nilai mata wang serantau tidak akan menghapuskan ketidakseimbangan ini. Malahan, tumpuan berlebihan pada kadar pertukaran sebagai mekanisme pembetulan ketidakseimbangan ini telah mengakibatkan kemasukan modal spekulatif ke dalam ekonomi Asia. Ini memerlukan pihak yang merumus dasar untuk campur tangan bagi mengelakkan peningkatan nilai yang ketara dalam mata wang mereka, yang seterusnya menghasilkan pegangan rizab yang besar. Yang nyata, kadar pertukaran hanya menawarkan sebahagian daripada penyelesaiannya, dan tumpuan yang berlebihan pada perkara ini mungkin kurang produktif. Ini mendatangkan risiko berlakunya pergerakan yang ketara dalam kadar pertukaran, sehingga pada tahap yang akan menyebabkan ketidakstabilan yang terlampau dalam pasaran global mata wang, modal dan komoditi.

Penyelesaian jangka panjang adalah supaya Amerika Syarikat meningkatkan tabungan dan menyederhanakan permintaan terhadap import dan bagi negara-negara lain pula meningkatkan permintaan dan import. Transformasi ini akan tetap berlaku tetapi tidak mungkin dalam tempoh yang singkat. Pada tempoh peralihan, mungkin akan berlaku dislokasi ekonomi. Walau bagaimanapun, dengan tenaga kerja muda dan peningkatan produktiviti serta ekonomi yang berdaya saing dan dinamik, terdapat potensi yang besar bagi ekonomi Asia menjadi pemangkin pertumbuhan bagi rantau ini dan dunia. Dengan peningkatan tahap pendapatan ekonomi serantau, terutamanya di kalangan kumpulan berpendapatan sederhana yang semakin meningkat di Republik Rakyat China, India dan ekonomi ASEAN, terdapat potensi bagi sumber permintaan intrinsik di rantau ini. Keseimbangan semula permintaan seluruh dunia ini seterusnya akan mengurangkan ketidakseimbangan semasa.

Pada tahun 2004, ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan yang kukuh. Pada masa hadapan, ekonomi negara akan terus

disokong oleh permintaan dalam dan luar negeri. Kekukuhan permintaan dalam negeri, khususnya perbelanjaan swasta, di samping eksport yang kekal kukuh, dijangka terus menyokong pertumbuhan pada tahun 2005. Ini diperkukuh oleh asas ekonomi dalam negeri yang mantap serta sektor korporat dan kewangan yang kukuh. Pelaburan swasta dijangka kekal dengan trend yang meningkat sejajar dengan usaha syarikat menaik taraf kemudahan dan mewujudkan kapasiti baru berikutan permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh. Keteguhan ekonomi, struktur ekonomi yang sangat pelbagai dan asas yang kukuh meningkatkan potensi Malaysia menghadapi dan bertindak balas terhadap persekitaran luaran yang mencabar.

Dasar monetari Bank Negara Malaysia telah memainkan peranan yang menyokong ekonomi negara sepanjang tahun 2004. Melangkah ke hadapan, dasar ini akan terus dikekalkan. Inflasi telah meningkat daripada paras yang rendah sebelum ini, tetapi dijangka kekal rendah pada tahun 2005 meskipun terdapat penyusutan nilai dalam dolar AS dan harga minyak antarabangsa yang lebih tinggi. Kenaikan sementara kadar inflasi yang disebabkan oleh kejutan bekalan atau pelarasan harga satu kali tidak mewajarkan tindak balas dasar monetari. Fokus dasar monetari adalah untuk memberikan sokongan secara berterusan terhadap pengembangan aktiviti pelaburan perniagaan untuk meningkatkan potensi pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia.

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan kecekapan operasi dan ketelusan dasar monetarinya. Khususnya, setelah hampir satu tahun diperkenalkan, rangka kerja kadar faedah baru beroperasi dengan lancar, dengan Kadar Dasar Semalaman memberikan isyarat kepada pasaran berhubung dengan pendirian dasar monetari. Rangka kerja tersebut, bersama dengan penerbitan Pernyataan Dasar Monetari pada setiap suku tahun oleh Bank Negara Malaysia, telah menyediakan maklumat secara tetap kepada pasaran berhubung dengan keadaan monetari semasa dan masa hadapan. Penyahkawalseliaan penetapan harga di bawah rangka kerja kadar faedah baru ini juga berfungsi sebagai pemangkin ke arah penetapan harga yang lebih cekap dalam sistem kewangan.

Berlatarbelakangkan suasana pasaran mata wang dunia yang tidak menentu, rejim kadar pertukaran tetap terus memberi manfaat yang besar kepada ekonomi Malaysia dalam menyediakan suasana yang lebih pasti dan stabil untuk perdagangan antarabangsa dan pelaburan. Dari masa ke semasa, terdapat perkembangan terpencil atau khabar angin yang menimbulkan spekulasi pasaran berhubung perlunya kadar pertukaran tetap dikaji semula. Bank Negara Malaysia secara konsisten mengekalkan pendiriannya bahawa rejim kadar pertukaran tidak akan dikaji semula kecuali sekiranya Ringgit dijangka mengalami ketidakjajaran asas atau jika rejim tersebut tidak lagi konsisten dengan asas ekonomi ekoran perubahan struktur yang ketara dalam sistem kewangan antarabangsa dan serantau. Perlu dinyatakan bahawa walaupun nilai Ringgit telah menyusut sejajar dengan dolar AS, penyusutan nilai dolar AS berbanding dengan mata wang rakan perdagangan

Malaysia sebagai satu kumpulan secara relatifnya adalah kecil. Dengan tahap kurang nilai yang kecil ini, kesan sampingan terhadap inflasi yang disebabkan oleh kelemahan dolar AS juga dijangka kecil, dan dengan ini potensi untuk mengalami ketidakjajaran juga kecil. Oleh yang demikian, rejim kadar pertukaran tetap secara asasnya kekal baik dan kami menjangkakan ia akan terus memberikan faedah kepada ekonomi negara. Sebarang perubahan pada rejim kadar pertukaran akan berdasarkan pada pertimbangan struktur jangka panjang dan bukannya pergerakan aliran modal jangka pendek atau perubahan sementara dalam jangkaan kadar pertukaran.

Dalam menerajui pembangunan sektor kewangan, objektif Bank Negara Malaysia adalah untuk membangunkan sektor kewangan yang dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan. Pada tahun 2005, fokus akan ditumpukan pada memperkukuh keberkesanan sektor perbankan dalam memenuhi keperluan baru ekonomi, meningkatkan persaingan dan seterusnya kecekapan, serta memperkukuh infrastruktur bagi perlindungan pengguna. Inisiatif-inisiatif tersebut akan dilaksanakan dalam konteks memelihara keteguhan dan kestabilan sistem kewangan.

Komponen penting bagi sektor kewangan yang kukuh ialah wujudnya rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang mantap. Dua prinsip utama akan diambil kira dalam perumusan dan pelaksanaan dasar berhemat. Pertama, mewujudkan persekitaran pengawalseliaan yang merangsang inovasi dan persaingan, sambil menggalakkan amalan-amalan terbaik bagi memelihara kestabilan kewangan. Oleh itu, dasar-dasar akan mengimbangi keperluan untuk mencapai kecekapan sambil memelihara kestabilan. Kedua, pengawalan berdasarkan prinsip akan dipertingkatkan. Pengawalan akan ditumpukan pada mengenal pasti parameter bagi menentukan bagaimana institusi perbankan harus beroperasi, sementara mengekalkan kefleksibelan yang secukupnya bagi membolehkan institusi menentukan strategi dan pendekatan masing-masing dalam parameter tersebut. Ini adalah sejajar dengan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko yang lebih baik dalam institusi perbankan. Lembaga pengarah dan pihak pengurusan akan bertanggungjawab mengukuhkan institusi masing-masing.

Kejayaan pendekatan pengawalseliaan berdasarkan prinsip bergantung pada keupayaan institusi perbankan, sama ada secara individu dan juga sebagai sebuah industri, bagi mengguna pakai kefleksibelan yang ada tanpa menyebabkan pengambilan risiko dan penetapan harga yang berlebihan, pencatuan kredit dan tindakan lain yang boleh mengancam kestabilan sistem kewangan dan kesejahteraan ekonomi negara secara keseluruhan. Yang penting ialah institusi perbankan perlu bertindak dengan penuh tanggungjawab, kerana tindakan institusi perbankan mendatangkan implikasi kepada semua segmen dalam ekonomi. Perhatian yang sewajarnya perlu diberikan bagi memastikan kesemua segmen dalam masyarakat mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan pada kos yang berpatutan dan dalam proses ini tidak satu pun kumpulan harus dipinggirkan. Dalam hal ini, meskipun Bank Negara Malaysia menyokong

rangka kerja pengawalseliaan berdasarkan prinsip, Bank Negara Malaysia akan memantau dengan rapi prestasi dan tindakan institusi perbankan, serta akan campur tangan dan menetapkan peraturan yang khusus sekiranya tindakan institusi perbankan boleh menjejaskan kestabilan kewangan dan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan.

Sebagai penjaga dana awam, dan sebagai sebuah industri yang berorientasikan perkhidmatan, sektor perbankan perlu berusaha untuk mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem ini dan memberikan perkhidmatan yang bermutu secara berterusan. Untuk mengekalkan keyakinan orang ramai, ia memerlukan usaha yang melampaui usaha mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh dan menyediakan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan kepada pelanggan. Memandangkan pelanggan kini lebih berpengetahuan dari segi kewangan dan lebih mengetahui akan hak mereka, pengendalian dan amalan institusi perbankan akan semakin diteliti dengan rapi oleh orang ramai. Penipuan, amalan yang tidak beretika, monopoli dan amalan yang tidak adil, sekiranya dibiarkan, akan menjejaskan tanggapan dan keyakinan orang ramai terhadap sistem perbankan, yang mampu memberi kesan terhadap pencapaian kewangan sesebuah institusi. Sesungguhnya, bagi memelihara reputasi korporat dan mengekalkan keyakinan orang ramai, institusi perbankan haruslah sensitif terhadap kesan daripada dasar dan amalan mereka kepada pelanggan mereka dan pihak berkepentingan yang lain. Oleh itu, adalah penting bagi industri perbankan secara bersama memastikan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan dikekalkan sepanjang masa.

Isu mengenai fi dan caj yang dikenakan oleh institusi perbankan baru-baru ini begitu mendapat perhatian daripada orang ramai. Dasar Bank Negara Malaysia mengenai perkara ini adalah untuk menyahkawalselia peraturan mengenai fi dan caj secara berperingkat. Ini merupakan satu cara untuk mempertingkatkan prestasi institusi perbankan dan menggalakkan inovasi. Walau bagaimanapun, kefleksibelan yang diberi hendaklah dilaksanakan dengan adil supaya keyakinan orang ramai terhadap sektor perbankan tidak terjejas. Bagi melindungi kepentingan pengguna, Bank Negara Malaysia akan mengimbangi kehendak institusi perbankan dan pengguna yang saling bersaingan. Memandangkan pelaburan yang tinggi perlu untuk penambahbaikan produk dan perkhidmatan, sebarang pelarasan struktur penentuan harga bagi produk dan perkhidmatan hendaklah berdasarkan penentuan kos yang memadai serta justifikasi yang mengambil kira penjimatan kos. Lebih penting lagi, ia hendaklah diiringi dengan penawaran perkhidmatan yang lebih baik.

Sementara Bank Negara Malaysia akan terus memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna menerusi peningkatan tahap penzahiran, mekanisme penyelesaian pertikaian yang berkesan, dan penggalakan amalan perbankan yang saksama, institusi perbankan juga dikehendaki memainkan peranan mereka. Satu aspek penting adalah untuk memastikan pengguna dibekalkan dengan maklumat relevan yang secukupnya bagi meminimumkan risiko membuat

keputusan yang salah dan akibat daripada tindakan tersebut. Amalan pasaran dan standard pendedahan hendaklah saksama dan komprehensif bagi memastikan pengguna dilayan dengan adil dan mendapat akses kepada maklumat yang terkini dan secukupnya bagi memudahkan pengguna membuat keputusan yang berkesan.

Pada tahun terdekat ini, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan dua infrastruktur penting dalam sektor perbankan. Pertama, pembentukan rangka kerja bagi penubuhan subsidiari perbankan Islam, dan yang kedua, rangka kerja bagi penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan dalam kumpulan perbankan yang sama. Kedua-dua rangka kerja ini telah mengorak langkah bagi institusi perbankan untuk merasionalisasikan lagi operasi dan meningkatkan kecekapan mereka. Kedua-dua rangka kerja ini kini membolehkan operasi perbankan dijalankan di bawah struktur yang baru di mana operasi tersebut boleh menggunakan infrastruktur kumpulan, termasuk rangkaian cawangan dan fungsi sokongan, bagi memaksimumkan kecekapan kos dan memperoleh faedah daripada sinergi kumpulan. Beberapa institusi perbankan telah mengambil peluang yang disediakan oleh kedua-dua rangka kerja ini.

Melangkah ke hadapan pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia akan menyiapkan beberapa peraturan penting untuk sistem perbankan. Peraturan ini tertumpu pada peningkatan pemantauan Bank Negara Malaysia secara keseluruhan ke atas institusi perbankan, di samping memberi lebih kefleksibelan kepada Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan institusi perbankan untuk membentuk strategi perniagaan berdasarkan parameter yang telah ditetapkan oleh peraturan tersebut.

Dalam persekitaran di mana struktur kumpulan menjadi lebih kompleks, pengawalseliaan berhemat dan pemantauan atas pelbagai konglomerat kewangan akan terus diperkukuh. Sehubungan dengan ini, Bank Negara Malaysia akan menyiapkan Rangka Kerja Penyeliaan Gabungan bagi Konglomerat Kewangan pada tahun 2005. Kertas Konsep pertama yang dikeluarkan pada bulan Disember 2003 telah menerima maklum balas yang positif daripada industri. Berhubung dengan struktur berkumpulan, cadangan untuk semua kumpulan kewangan diketuai oleh sebuah syarikat induk kewangan telah diterima dengan meluas. Matlamat utama mewujudkan syarikat induk kewangan ini adalah supaya institusi perbankan dalam kumpulan kewangan yang sama dapat bergantung pada syarikat induk tersebut sebagai sumber kemantapan kewangan. Walau bagaimanapun, kefleksibelan akan diberikan kepada bank perdagangan untuk terus berada pada kedudukan teratas dalam kumpulan kewangan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah keselamatan akan diperkenalkan untuk memastikan bank perdagangan mempamerkan standard yang lebih tinggi dalam amalan dan pemantauan untuk mengurus risiko ekoran struktur berkenaan.

Isu selanjutnya adalah mengenai skop dan ciri aktiviti yang dibenarkan dalam struktur syarikat induk kewangan. Prinsip untuk mentakrifkan aktiviti kewangan atau aktiviti

yang berkaitan dengan aktiviti kewangan akan digariskan dengan jelas bagi memudahkan sebarang kemungkinan proses penyusunan semula yang diperlukan ekoran daripada dasar baru tersebut. Usaha akan terus dilaksanakan untuk mentakrif tadbir urus korporat yang bersesuaian dan standard kehematan yang akan diguna pakai di peringkat syarikat induk. Berhubung dengan keperluan modal, kajian sedang dibuat mengenai keperluan peraturan modal yang seragam untuk semua syarikat induk kewangan. Pertimbangan yang lebih penting adalah untuk meminimumkan pergantungan yang berlebihan dan memastikan syarikat induk kewangan berkenaan mempunyai infrastruktur yang diperlukan bagi membolehkan pandangan yang menyeluruh tentang aktiviti pengambilan risiko dalam kumpulan.

Dalam sistem kewangan yang lebih liberal, disiplin pasaran dijangka memainkan peranan yang lebih penting bagi meningkatkan prestasi institusi perbankan. Dalam hal ini, pemegang-pemegang saham diharap akan memainkan peranan yang lebih dalam mengawasi prestasi institusi perbankan dan keberkesanan ahli-ahli lembaga pengarah dan pengurusan. Justeru, dasar mengenai pemegangan saham akan dipertingkatkan untuk menggalakkan penglibatan pemegang saham yang aktif dalam institusi perbankan. Pemegang-pemegang saham perlu mengambil berat tentang amalan institusi perbankan terutamanya yang memberi kesan negatif kepada kepentingan pendeposit dan kestabilan kewangan.

Selain itu, dengan persekitaran yang semakin kompetitif, kemajuan dalam amalan pengurusan risiko dan kekukuhan rangka kerja tadbir urus korporat, rangka kerja dasar yang lebih fleksibel mengenai pemberian pinjaman kepada pihak-pihak berkaitan akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, untuk mengelak penyalahgunaan kefleksibelan tersebut, terdapat langkah-langkah keselamatan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan.

Penerimaan pakai pendekatan pengawalseliaan yang berdasarkan prinsip akan memberikan institusi perbankan lebih kefleksibelan untuk membuat pilihan yang lebih strategik dalam persekitaran yang lebih kompetitif. Dengan perkembangan industri perbankan yang lebih pesat, usaha industri secara bersama dalam pelbagai bidang akan mendatangkan faedah bukan saja kepada sektor kewangan tetapi kepada ekonomi keseluruhannya. Sehubungan dengan ini, terdapat peningkatan trend di kalangan negara-negara maju seperti United Kingdom, Kanada dan Australia, di mana persatuan-persatuan perbankan memainkan peranan menerajui inisiatif bagi menggalakkan standard yang lebih tinggi untuk kod etika kegiatan pasaran bagi memenuhi harapan dan permintaan pengguna yang semakin meningkat. Peranan persatuan-persatuan perbankan semakin meningkat sebagai pusat untuk perundingan bukan sahaja dengan pihak berkuasa pengawalseliaan tetapi juga dengan pihak berkepentingan yang lain mengenai dasar yang memberikan kesan kepada sektor kewangan. Dalam hal ini, persatuan-persatuan tersebut telah memainkan peranan pelengkap yang penting kepada usaha pihak berkuasa pengawalseliaan dalam mewujudkan sistem perbankan yang lebih progresif, dinamik dan

berdaya tahan. Di samping itu, persatuan perbankan di negara-negara tersebut juga berperanan sebagai jurucakap bagi industri tersebut dalam mengetengahkan kedudukan ahli-ahli mereka bagi mempromosikan kepentingan industri. Di Malaysia, terdapat beberapa perkara yang merupakan kepentingan bersama kepada industri yang boleh diterajui oleh persatuan tersebut. Oleh itu, adalah penting untuk industri menilai semula peranan persatuan-persatuan untuk mengetengahkan inisiatif-inisiatif dan kepentingan bersama industri.

Melangkah ke hadapan, pembiayaan pengguna dan PKS akan terus menjadi dua sektor pertumbuhan yang penting. Persekitaran makroekonomi keseluruhan dan kadar faedah akan terus menyokong pertumbuhan kedua-dua sektor ini. Cabaran bagi institusi perbankan adalah untuk memastikan para pengguna dan perusahaan peniagaan mendapat akses kepada produk yang berpelbagai, dan pada masa yang sama memastikan infrastruktur yang sesuai disediakan bagi mengurus risiko yang wujud ekoran perniagaan-perniagaan ini. Ini adalah bagi memastikan bahawa aktiviti pemberian pinjaman kepada sektor-sektor ini dapat dikekalkan dan bagi mengelak risiko sebagaimana yang dialami baru-baru ini oleh beberapa negara di rantau ini.

Sementara tumpuan diberikan pada pembiayaan pengguna dan PKS, institusi perbankan juga perlu memperakui kemunculan beberapa sektor pertumbuhan baru dalam ekonomi, termasuk aktiviti sektor perkhidmatan, dan industri pertanian dan asas-tani. Sektor-sektor ini membuka peluang yang boleh diraih oleh institusi perbankan. Walaupun sektor-sektor ini dianggap bukan sektor tradisional, institusi perbankan yang memperkenalkan model pinjaman serta produk yang baru bagi memenuhi kehendak kewangan sektor-sektor ini akan mempunyai kelebihan awal dalam meraih potensi pasaran baru ini.

Sehubungan dengan ini, tema utama dialog pada tahun ini ialah "Merebut Peluang Dalam Sektor Pertumbuhan Baru - Menggalakkan Amalan Pemberian Pinjaman Terbaik", untuk dibincangkan oleh komuniti perbankan. Kami amat berbesar hati dengan kehadiran empat penceramah yang dihormati, yang akan berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dalam membentuk portfolio yang berjaya dan berkekalan dalam pembiayaan pengguna, pembiayaan PKS, mikrokredit dan pembiayaan pertanian. Seterusnya, empat sesi perbincangan berdasarkan keempat-empat sektor pembiayaan tersebut akan diadakan dan peserta digalakkan untuk membincangkan isu-isu berhubung dengan sektor yang berkenaan secara aktif. Setiap kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan mereka pada keesokan hari. Oleh itu, diharapkan usaha ini menjadi satu proses yang membina, dan akan menyumbang kepada peningkatan tahap prestasi dan nilai ditambah sektor-sektor ini.

Majlis Pelancaran
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia
25 Februari 2005, Kuala Lumpur

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia LINK merupakan satu wahana bagi Bank Negara Malaysia untuk berhubung dengan orang ramai. Saya berbesar hati untuk mengalu-alukan kehadiran para hadirin ke majlis perasmian Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia atau dikenali sebagai Bank Negara Malaysia LINK.

Bank Negara Malaysia LINK bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan jalinan hubungan Bank Negara Malaysia dengan orang ramai. Bank Negara Malaysia LINK ditubuhkan sebagai sebuah pusat perhubungan dengan orang ramai mengenai isu yang berkaitan dengan operasi dan dasar Bank Negara Malaysia, sektor kewangan dan pendidikan pelanggan dalam bidang kewangan. Kami percaya jalinan hubungan dengan orang ramai secara berterusan ini bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan mengenai isu yang dihadapi, malah turut menyumbang ke arah memudahkan pelaksanaan fungsi sistem kewangan dengan lebih cekap, di samping memastikan keberkesanan dasar. Selain itu, Bank Negara Malaysia LINK juga memusatkan semua jalinan perhubungan dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengenai isu yang berkaitan dengan akses kepada pembiayaan, dengan itu menyumbang ke arah mempertingkatkan nilai ditambah PKS kepada ekonomi.

Kami amat berbesar hati dengan kesudian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk melancarkan Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia atau Bank Negara Malaysia LINK pada hari ini. Kami mengambil kesempatan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri di taklimat ekonomi di Bank Negara Malaysia pada pagi ini untuk turut merasmikan Bank Negara Malaysia LINK. Penubuhan Bank Negara Malaysia LINK merupakan komitmen Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai dan membantu meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS. Perasmian ini amat bermakna kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan peneraju kepada peningkatan sistem penghantaran sektor awam. Yang Amat Berhormat Dato' Seri juga telah memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan potensi PKS sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara kita.

Bank Negara Malaysia sememangnya sentiasa berhubung terus dengan orang ramai. Bank menerima kunjungan orang ramai yang ingin mencari maklumat mengenai operasi, dasar dan peraturan Bank Negara Malaysia, serta mereka yang ingin mencari jalan penyelesaian berkaitan isu kewangan. Unit PKS di Bank Negara Malaysia juga berhubungan terus dengan PKS mengenai isu akses kepada pembiayaan. Penubuhan Bank Negara Malaysia LINK adalah untuk memberi peluang kepada Bank untuk berhubung dengan orang ramai dan PKS di satu tempat, dan dijalankan dengan cara yang lebih cekap dan berkesan.

Premis Bank Negara Malaysia LINK dahulunya merupakan cawangan Kuala Lumpur Bank Negara Malaysia. Cawangan ini pernah menyediakan perkhidmatan perbankan runcit kepada Kerajaan sebagai sebahagian daripada peranan kami sebagai jurubank Kerajaan. Kini, peranan tersebut dipindahkan kepada institusi perbankan. Premis ini juga pernah menjadi tempat memproses mata wang. Tugas tersebut juga telah dipindahkan kepada pihak ketiga, iaitu MEPS Currency Management Sdn. Bhd. Premis cawangan ini kini telah diubah untuk menjadi pusat perkhidmatan setempat.

Bank Negara Malaysia LINK akan juga menyokong perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Khas PKS dalam beberapa bidang yang berkaitan dengan akses kepada pembiayaan. Unit Khas PKS ditubuhkan di Bank Negara Malaysia hampir dua tahun yang lalu. Pada awalnya, fungsi Unit Khas PKS adalah untuk menyediakan maklumat mengenai pelbagai sumber pembiayaan yang disediakan untuk PKS; memudahkan proses permohonan pinjaman; dan menyediakan khidmat nasihat berkaitan keperluan pembiayaan PKS. Peranan unit ini kemudiannya dipertingkatkan untuk memantau, menyelaraskan dan menilai pembiayaan PKS di semua sektor; menyemak dasar untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan serta menyelaraskan pelaksanaan semua dasar pembiayaan PKS. Unit Khas PKS juga merupakan Sekretariat Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil, yang membantu penstrukturan semula pinjaman tidak berbayar (NPLs) PKS dengan perniagaan yang masih dijalankan. Kemudahan untuk PKS yang terdapat di LINK akan meningkatkan lagi keupayaan jangkauan Unit Khas PKS.

Seiring dengan sistem kewangan yang semakin maju dan canggih, terdapat keperluan untuk meningkatkan lagi tahap celik kewangan. Sebagai sebahagian daripada Pelan Induk Sektor Kewangan, kami telah melaksanakan program 10 tahun untuk meningkatkan tahap celik kewangan pelanggan. Kini program tersebut telah memasuki tahun ketiga. Bagi menjadikan penyertaan orang ramai dalam sistem kewangan berkesan, penyertaan tersebut perlu merupakan penyertaan bermaklumat. Para pelanggan perlu ada kefahaman yang lebih mendalam mengenai hak dan tanggungjawab mereka. Mereka perlu mengetahui peluang yang ada serta risiko dan kos produk dan perkhidmatan kewangan.

Melalui pameran, kios informasi interaktif dan buku-buku kecil yang

disediakan, Bank Negara Malaysia LINK akan menjadi satu saluran untuk menyediakan pendidikan kewangan pengguna kepada orang ramai. Sehubungan ini, Bank Negara Malaysia LINK akan menyediakan maklumat berkaitan dengan perbankan konvensional dan perbankan Islam, insurans dan takaful, PKS, pentadbiran pertukaran asing, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, Biro Maklumat Cek, institusi kewangan pembangunan dan perkara berkaitan pembiayaan yang lain. Bank Negara Malaysia LINK juga akan memberi perhatian pada aduan orang ramai mengenai perkara-perkara yang tersebut di atas. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memelihara sejarah mengenai peranan Bank Negara Malaysia dalam kemajuan negara, Bank Negara Malaysia LINK juga menyediakan ruang pameran untuk memaparkan sumbangan Bank Negara Malaysia dalam membentuk ekonomi dan sektor kewangan negara semenjak tahun 1950-an.

Penubuhan Bank Negara Malaysia LINK meletakkan program mendekati pelanggan ke tahap yang lebih tinggi. Dengan menyediakan platform berpusat kepada orang ramai untuk mencari maklumat dan menangani isu kewangan, hasrat kami adalah untuk Bank Negara Malaysia LINK memainkan peranan penting dalam membina jambatan perhubungan antara pelanggan, termasuk PKS, komuniti perniagaan kewangan, persatuan pengguna, dan pembuat dasar. Kami yakin akan pentingnya usaha untuk mendekati pelanggan, bukan sahaja kerana orang ramai berhak pada penyertaan bermaklumat dalam urusan kewangan mereka, bahkan juga kerana ia merupakan bahagian penting dalam usaha bersepadu kita untuk mencapai kejayaan di masa hadapan.

Kalendar Peristiwa
Januari - Mac 2005

7 Januari 2005
Bank mengumumkan pengenalan langkah-langkah mempertingkatkan kecekapan fungsi pasaran bon Malaysia menerusi penggunaan perjanjian pembelian semula secara aktif sebagai instrumen dasar monetari; peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti menerusi ISCAP (Program Penjagaan Sekuriti untuk Pelabur-pelabur Institusi); dan kemudahan pemberian pinjaman sekuriti bagi peniaga prinsipal. Langkah-langkah ini akan memajukan pasaran bon Malaysia dan terus membangun sebagai sebuah pasaran yang mempunyai kecairan yang lebih dengan proses penemuan harga yang lebih baik, di samping pengagihan modal dalam sistem kewangan yang lebih efisien.

19 Januari 2005
Bank menerbitkan Buku Wang Saku (BWS) dan Buku Perancangan dan Penyata Kewangan Keluarga edisi tahun 2005. Penerbitan buku tersebut adalah sebahagian daripada usaha berterusan Bank untuk mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pengurusan kewangan peribadi dan perancangan kewangan. Tema BWS bagi tahun 2005 ialah "Pendidikan Kewangan Menerusi Teknologi Maklumat".

20 Januari 2005
Gabenor melancarkan Biro Pengantaraan Kewangan, yang merupakan pusat penyelesaian pertikaian pengguna yang bersepadu bagi institusi perbankan dan syarikat insurans di bawah penyeliaan Bank. Biro tersebut menggantikan Biro Pengantaraan Perbankan dan Biro Pengantaraan Insurans dengan skop yang lebih luas yang merangkumi bank-bank Islam, pengendali takaful, institusi kewangan pembangunan dan pengeluar kad caj/kredit terpilih. Had monetari untuk banyak jenis kes juga telah dinaikkan.

20 Januari 2005
Bank mengumumkan semua bank perdagangan dan syarikat kewangan akan menawarkan akaun simpanan asas (BSA) dan akaun semasa asas (BCA) tanpa kemudahan overdraf, kepada semua warganegara Malaysia termasuk pemastautin tetap berkuat kuasa pada 1 Februari 2005. Kedua-dua akaun tersebut membolehkan pengguna mendapatkan perkhidmatan perbankan asas pada caj yang minimum atau tanpa caj. Di samping itu, institusi perbankan dikehendaki memaklumkan fi dan caj yang dikenakan atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di semua cawangan dan laman web mereka. Selain itu, Bank Negara Malaysia akan memastikan caj bank tetap berpatutan, munasabah dan mencerminkan secukupnya tanggungan kos dan penjimatan kos.

30 Januari 2005

Di bawah Program Pendidikan Menerusi Duit Syiling yang dimulakan oleh Bank pada tahun 2003, siri kedua duit syiling yang bertemakan Spesies Terancam, khususnya spesies burung yang terancam telah diterbitkan. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan pelajar sekolah menghargai duit syiling dan menanam minat mengumpul di kalangan mereka. Terdapat 12 terbitan duit syiling dalam siri ini, yang bermula dengan burung "Barau-Barau" pada bulan Januari 2005.

17-18 Februari 2005

Bank mengadakan dialog tahunan dengan industri perbankan dengan tema utama "Merebut Peluang dalam Sektor Pertumbuhan Baru - Menggalakkan Amalan Pemberian Pinjaman Terbaik ". Forum tersebut memberikan tumpuan pada kaedah bank untuk mencari peluang dalam empat sektor pertumbuhan berpotensi, iaitu pembiayaan PKS, pembiayaan kredit mikro, pembiayaan pertanian dan pemberian pinjaman pengguna.

24 Februari 2005

Bank telah mengumumkan terbitan keenam Bon Simpanan Merdeka bernilai RM340 juta yang diterbitkan pada 1 April 2005. Bon tersebut memberikan instrumen tabungan tambahan bagi warga emas, anggota Angkatan Tentera Malaysia yang telah bersara, dan warganegara Malaysia yang telah bersara atas sebab kesihatan.

25 Februari 2005

Bank Negara Malaysia LINK (Laman Informasi, Nasihat dan Khidmat) dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Laman tersebut bertindak sebagai pusat perhubungan sehenti untuk memudahkan tindakan pantas dan berkesan diambil bagi manfaat orang ramai dan PKS dalam hal berkaitan sektor kewangan. Menerusi pameran, kios layan diri dan buku kecil, Bank Negara Malaysia LINK juga memberikan pendidikan kewangan kepada pengguna dan kesedaran mengenai peranan Bank Negara Malaysia dalam pembangunan negara.

28 Februari 2005

Bank mengumumkan ekonomi Malaysia meningkat pada kadar 7.1% pada tahun 2004, kadar tertinggi sejak tahun 2000, meskipun terdapat sedikit kelembapan pada suku keempat. Pada suku terakhir tahun 2004, ekonomi negara berkembang 5.6% berbanding dengan pertumbuhan yang disemak sebanyak 6.7% bagi suku sebelumnya.

Pernyataan Dasar Monetari menyatakan dasar monetari yang akomodatif akan dikekalkan untuk terus menyokong pertumbuhan, memandangkan kadar inflasi masih terkawal.

1 Mac 2005

Gabenor menyampaikan ucaptama di pelancaran RHB Islamic Bank Berhad, Beliau memberikan saranan supaya bank tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia menubuhkan subsidiari

perbankan Islam untuk mempercepat proses negara menjadi pusat kewangan Islam untuk masyarakat antarabangsa. Beliau juga berkata bahawa bank dibenarkan menjual saham mereka sehingga 49% dalam subsidiari perbankan Islam tersebut kepada pelabur institusi domestik dan asing.

23 Mac 2005

Sempena penerbitan Laporan Tahunan Bank 2004:

- Bank mengumumkan rangka kerja pembentukan bank pelaburan telah disempurnakan dan akan dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2005. Rangka kerja ini merupakan salah satu inisiatif utama untuk memperkukuh kapasiti dan keupayaan kumpulan perbankan tempatan bagi menyumbang ke arah transformasi ekonomi dan menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi. Ia juga bertujuan untuk merasionalisasikan industri syarikat diskaun ke arah membangunkan sistem kewangan yang lebih berdaya tahan, dinamik dan berdaya saing.

- Bank mengumumkan pelonggaran peraturan pentadbiran pertukaran asing selanjutnya berkuat kuasa mulai 1 April 2005, bagi terus memperkukuh persekitaran perniagaan, meningkatkan keefisienan sistem penghantaran pengawalseliaan dan menggalakkan pilihan pengurusan risiko yang lebih luas. Di samping itu, Bank telah mengkaji semula dan meliberalisasikan lagi kadar faedah bagi deposit tetap yang disimpan oleh syarikat-syarikat bukan PKS dan bukan pemastautin.

31 Mac 2005

Bank menerbitkan tiga jenis duit syiling bagi memperingati ulang tahun ke-100 keputeraan Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.